



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 32 Hari Isnin 23hb Disember, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 (Ruangan 44)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 23hb Disember, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

GERAKAN BANCIAN PENDUDUK - JABATAN KETUA MENTERI SABAH

1. Tuan Johan B.O.T. Ghani minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa satu gerakan bancian penduduk sedang dilakukan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah, di mana soalan-soalan bancian yang disediakan menyamai soalan banci yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan sekiranya sedar, tidakkah ini menyalahi undang-undang negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, perkara bancian adalah perkara yang termasuk di dalam senarai Persekutuan bagi Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, memanglah benar perkara-perkara berkaitan dengan bancian penduduk adalah terletak di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Gerakan bancian penduduk yang dijalankan oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah itu jika benar-benar menyamai bancian yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia boleh menjadi tidak konsisten dengan peruntukan Akta Banci 1960 iaitu Akta 16, Undang-undang Malaysia.

RUMAH-RUMAH SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN - BILANGAN

2. Tuan V.K. Sellappan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan rumah-rumah setingan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (b) berapa ramai bilangan orang tinggal di kawasan setingan ini;
- (c) berapakah luasnya tanah terlibat dalam
 - (i) Tanah milikan Kerajaan.
 - (ii) Tanah milikan swasta.
- (d) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menghapuskan kawasan setingan ini; dan
- (e) tahun bilakah kerja-kerja ini akan diselesaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Sulaiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah-rumah setingan di Kuala Lumpur ialah sebanyak 30,330 unit. Bilangan asas atau penduduk yang tinggal di dalam kawasan setingan ialah seramai 179,270 orang. Sementara itu, jumlah keluarga pula ialah sebanyak 35,223 keluarga.

Luas tanah yang diduduki untuk setingan adalah seperti berikut:

- (i) Tanah milik Kerajaan - 4,366 ekar;
- (ii) Tanah milik persendirian - 45,049 ekar.

Di antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menghapuskan kawasan setingan ialah:

- (i) menawarkan rumah pangsa atau rumah panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada keluarga setingan dan merobohkan rumah-rumah mereka sebaik sahaja setingan-setingan tersebut berpindah ke rumah-rumah yang ditawarkan;

- (ii) membangunkan kawasan-kawasan setinggan dan mendirikan lebih banyak rumah-rumah kos rendah serta sederhana rendah dan memberi keutamaan kepada setinggan—setinggan yang tinggal di kawasan yang berkenaan membeli rumah-rumah yang dibina;
- (iii) memberi keutamaan kepada setinggan membeli rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau pihak swasta;
- (iv) pihak swasta diwajibkan membina dan menyerahkan rumah-rumah kos rendah kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pula akan mengendalikan penjualan rumah-rumah tersebut;
- (v) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membeli rumah-rumah kos rendah yang diperuntukan kepada bumiputera yang mana tidak dapat dijual oleh pemaju-pemaju perumahan dan seterusnya menyewakan rumah-rumah tersebut kepada setinggan;
- (vi) mengawal dan mengambil terhadap setinggan-setinggan baru;
- (vii) membina 5,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam masa satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rancangan-rancangan di atas, adalah dijangkakan Kerajaan akan mempunyai 50,000 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam masa tempoh 10 tahun. Oleh itu, adalah dijangkakan pada tahun 2000, semua setinggan akan dapat dibersihkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab masalah hal ehwal Wilayah Persekutuan atau masalah-masalah rumah setinggan, sama ada Yang Berhormat tahu atau sedar bahawa dalam kita sibuk memperjuangkan setinggan, ada satu badan atau satu persatuan yang telah menubuhkan Jawatankuasanya untuk konon-kononnya memperjuangkan hal setinggan. Kalau Yang Berhormat sedar, sudahkah Yang Berhormat siasat sama ada badan ini berdaftar atau tidak atau hanya semata-mata hendak mencari pengaruh atau publisiti secara murah.

Dato' Drs. Sulaiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pada masa ini terdapat apa yang disebut sebuah persatuan yang diberi nama Persatuan Pembela Penderoka Bandar yang dipengerusikan oleh Syed Hussain, calon Pembangkang bagi kawasan Bata yang lalu dengan tujuan untuk membela masyarakat setinggan di dalam Wilayah Persekutuan.

Bagi pandangan Kerajaan, Persatuan ini terutamanya tidak berdaftar dan adalah salah mereka menjalankan kegiatan atau gerakan-gerakan dan sangat bertentangan dengan masyarakat setinggan yang selama ini telah dapat pembelaan yang saksama daripada Kerajaan.

Jadi, Persatuan ini untuk makluman Yang Barhormat, hanya mencari publisiti murah untuk kepentingan politik peribadi sahaja-

HIDUPAN LIAR - KES NIAGA RESTORAN JOHOR

3. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah perlu yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan kes niaga hidupan liar tidak berlaku sepertimana yang berlaku di beberapa buah restoran Johor baru-baru ini. Dan adakah Kementerian sedar bahawa Jadual 1, Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 tidak mendapat perhatian wajar dari pengusaha-pengusaha restoran tempatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chia Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan Undang-undang Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 sentiasa dilaksanakan oleh Jabatan Perhilitan dari masa ke semasa. Penguatkuasaan ini termasuklah pemeriksaan di restoran-restoran yang menjual hidupan liar yang dibenarkan untuk dijual seperti ular sawa, biawak air dan babi hutan. Namun demikian, adakala terdapat peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan untuk menjual spesies hidupan liar di bawah Jadual 1, Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972.

Bagi mengatasi masalah ini, makluman dan kerjasama orang ramai adalah diperlukan untuk membantu membanteras kegiatan seperti ini. Pada waktu yang sama, kakitangan Jabatan Perhilitan akan terus mempertingkatkan lagi penguatkuasaan bagi mengawal dan membanteras kegiatan seumpama ini.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta yang berkaitan dengan hidupan liar ini supaya dapat membentaras perbuatan berleluasa orang yang tidak bertanggungjawab untuk membunuh hidupan liar?

Tuaa Peter Chia Fah Kui: Cadangan ini memang sudah diambilkira dan setakat ini usaha-usaha untuk meminda Akta ini sedang dijalankan.

PERDAGANGAH DUA-HALA MALAYSIA-VIETNAM

4. **Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kedudukan perdagangan dua-hala di antara Malaysia dengan Vietnam setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan perdagangan dua-hala di antara Malaysia dengan Vietnam pada ketika ini adalah memuaskan. Sungguhpun jumlah perdagangan tersebut adalah kecil iaitu 0.1% jika dilihat dari segi jumlah keseluruhan perdagangan Malaysia dengan dunia. Perdagangan dua-hala Malaysia dengan Viatnam dalam tahun 1990 menunjukkan pertumbuhan sebanyak 60% berbanding dengan jumlah perdagangan dalam tahun 1988. Sebagai contoh, dalam tahun 1988, jumlah perdagangan dua-hala Malaysia dengan Vietnam bernilai \$87 juta. Jumlah ini telah meningkat kepada \$138 juta dan \$140 juta dalam tahun 1989 dan 1990. Untuk tempoh bulan Januari hingga Ogos 1991, iaitu 3 bulan, jumlah perdagangan ini telahpun mencatatkan sebanyak \$130 juta.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya perdagangan dua-hala dengan Vietnam, khususnya dari segi eksport ke Vietnam dipertingkatkan. Beberapa langkah telahpun diambil oleh Kerajaan untuk mencapai tujuan **ini**. Di antaranya ialah menghapuskan sekatan lawatan ke atas kita untuk melawat Vietnam dan sebaliknya menubuhkan pejabat perdagangan Malaysia di bandar Ho Chin Minh untuk membantu ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin berurusniaga di Vietnam, menggalakkan penubuhan projek-projek usahasama antara sektor swasta Malaysia dengan pihak berkuasa Vietnam, khususnya dalam sektor perlombongan, pembinaan, perkhidmatan institusi-institusi kewangan, pengeluaran minyak mentah dan perkhidmatan telekomunikasi.

Dalam hal **ini**, sebuah syarikat Malaysia iaitu Sapura Holdings Berhad telahpun mengadakan projek usahasama dengan pihak berkuasa di Ho Chin Minh dalam menyediakan kemudahan telefon di bandar tersebut. Sementara PETRONAS pula telah menandatangani perjanjian dengan Vietnam dalam aktiviti carigali petroleum di perairan Vietnam. Public Bank Malaysia pula dijangka akan membuka cawangannya di Vietnam pada awal tahun 1992. Selain dari itu, Syarikat Penerbangan Malaysia telahpun menyediakan perkhidmatan ke Vietnam, khususnya ke bandar Ho Chin Minh sebanyak 3 kali seminggu dan tindakan sedang dibuat untuk membolehkan MAS menyediakan perkhidmatan ke bandar Hanoi mulai bulan April 1992. Kerajaan telah menggalakkan ahli-ahli perniagaan melawat Vietnam sama ada secara persendirian atau melalui persatuan-persatuan perdagangan untuk mengenalpasti peluang-peluang perdagangan yang wujud di negara tersebut.

Setakat ini, beberapa dewan perdagangan seperti Dewan Perniagaan Cina Kuala Lumpur, Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang, Persatuan Industri Kecil dan Sedarhana dan lain-lain lagi telahpun melawat Vietnam. Sehubungan dengan ini juga, ingin saya memaklumkan di sini bahawa MITI akan menghantar satu rombongan perdagangan ke Vietnam pada awal tahun 1992.

KENDERAAN BERAT DI TAMAN PERUMAHAN - GANGGUAN

5. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:
- (a) bolehkah JPJ ambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan berat yang memasuki dan terletak di jalan-jalan terhad seperti taman-taman perumahan selain dari pihak Majlis Tempatan; dan
 - (b) jikalau jawapan (a) "boleh", sila bagi jumlah kes telah diambil oleh JPJ pada tahun 1990 dan 1991.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut undang-undang, Jabatan Peangkutan Jalan boleh mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan berat yang memasuki dan diletak di jalan-jalan seperti taman-taman perumahan jika jalan atau kawasan itu telah diwartakan atau mempunyai tanda isyarat lalulintas yang kenderaan-kenderaan berat tidak dibenarkan masuk. Jika jalan atau kawasan itu tidak

diwartakan atau tidak mempunyai isyarat lalulintas demikian, JPJ masih boleh mengambil tindakan sekiranya kenderaan-kenderaan berat tersebut diletakkan secara yang boleh menghalang lalulintas,

- (b) Walaupun JPJ boleh mengambil tindakan, ingin saya memaklumkan bahawa Majlis-majlis Tempatan dan Polis DiRaja Malaysia juga diberi kuasa untuk mengambil tindakan di bawah Akta Pengangkutan 1987. Justeru itu, JPJ hanya memberi tekanan ke atas kesalahan-kesalahan berkaitan dengan syarat-syarat lasen kenderaan perdagangan. Kesalahan-kesalahan statik dan lalulintas adalah dikuatkuasakan oleh pihak Polis dan Majlis-majlis Tempatan. Pembahagian tugas seperti ini adalah untuk mengelakkan tindakan bertindih oleh JPJ, Majlis Tempatan dan pihak Polis.

PEGAWAI KADET ANGKATAN TENTERA - TAULIAH JANGKA PENDEK

6. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada sistem pendekatan dalam pengambilan pegawai-pegawai kadet tauliah jangka pendek akan melahirkan pegawai-pegawai tentera yang berdisiplin sesuai dengan hasrat Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa menjalankan kajian dan mengemaskinikan segala syarat-syarat kelayakan, dasar-dasar dan sistem pengambilan ataupun pemilihan pegawai-pegawai kadet untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kementerian Pertahanan mengambil pegawai-pegawai tauliah jangka pendek sebagai permulaan sebelum menganugerahkan mereka ke tauliah tetap. Seseorang calon yang dipilih akan menjalani latihan pegawai kadet tauliah jangka pendek selama setahun sama ada di pusat-pusat latihan pegawai kadet tentera darat, laut ataupun udara.

Semasa pegawai-pegawai kadet menjalankan latihan di pusat-pusat tersebut, aspek pembentukan nilai-nilai pegawai dan pimpinan adalah dititikberatkan di samping latihan dalam bidang kemahiran ilmu ketenteraan. Satu daripada nilai-nilai utama yang dibentuk ialah disiplin yang akan dilatih ke tahap dan tidak boleh dipersoalkan lagi oleh sebarang pihak. Latihan-latihan pembentukan disiplin ini tidak membezakan sama ada pegawai-pegawai kadet itu di dalam tauliah jangka pendek atau tauliah tetap. Pada amnya, seseorang pegawai tauliah jangka pendek akan dipertimbangkan untuk penganugerahan tauliah tetap lepas berkhidmat 7 tahun sekiranya memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan dan mengikuti merit selepas ujian pemilihan dan temuduga.

Dalam hal **ini**, Kementerian Pertahanan hanya akan memilih pegawai-pegawai yang benar-benar layak untuk dianugerahkan ke tauliah tetap. Tapisan yang **teliti** dan syarat-syarat yang ketat dikenakan kerana mereka yang terpilih adalah golongan **elit** yang berbakat memerajui pelbagai peringkat formasi Angkatan Tentera seperti batalion, garison, brigid, division dan kor atau setaraf dengannya. Sementara itu, mereka yang tidak berjaya untuk rmendapatkan anugerah tauliah tetap ataupun mereka memilih untuk meninggalkan perkhidmatan selepas tamat tempoh tauliah jangka pendek kerana peluang yang lebih baik di luar perkhidmatan tentera adalah pada hakikatnya pegawai-pegawai yang berkualiti memiliki **ciri-ciri** pimpinan dan disiplin kerja yang tinggi.

Mengambil kira **ciri-ciri** tersebut, mereka boleh menyumbangkan kepada apa sahaja pertubuhan dan bidang kerja yang mereka ceburi. Secara tidak langsung, ATM memberikan sumbangan kepada penghasilan tenaga manusia berkualiti tinggi yang merupakan bekas pegawai-pegawai tentera tauliah jangka pendek, dan dengan itu membantu pembangunan negara ka arah mencapai status negara maju. Bagi mereka yang diaaugerahkan tauliah tetap pula akan terus mendokong mandat Kerajaan dan rakyat untuk mempertahankan negara dari sebarang ancaman musuh.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah syarat minimum untuk seseorang itu melayakkan diri sebagai seorang pegawai kadet?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, syarat sekarang talah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia.

PERKHIDMATAN TELEKOM/ELEKTRIK LUAR BANDAR - KADAR

7. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah Kementerian ini dapat memberikan perkhidmatan sepenuhnya di kawasan FELDA Hutan Perca dan FELDA Menggong; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang hendak menurunkan kadar pembayaran perkhidmatan telekom dan elektrik kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia telah merancang untuk menempatkan sebuah ibusawat telefon baru di Ampang Batu bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan telefon ke kawasan FELDA berkenaan. Kemudahan ini bagi kawasan tersebut dijangka akan dapat dimulakan pada pertengahan tahun 1992.

Untuk perkhidmatan bekalan elektrik ke FELDA Hutan Perca dan Menggong, kedua-dua rancangan sudahpun disambung bekalan sebelum 1980 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Bagi perkhidmatan pos pula kedua-dua kawasan ini ada mempunyai kemudahan perkhidmatan pos yang disediakan melalui sebuah pejabat pos mini dan sebuah wakil pos.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian (b), ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Telekom Malaysia dan Kementerian saya sebenarnya sedang mengkaji semula keseluruhan struktur kadar dan tarif kemudahan telekomunikasi yang sedia ada untuk menseimbangkan dengan keadaan semasa.

Mengenai kadar tarif elektrik pula, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan rakyat luar bandar. Kerajaan telah menetapkan kos mendapatkan bekalan elektrik dan kadar tarif sama dengan yang dinikmati oleh penduduk bandar walaupun kos untuk menyediakan bekalan elektrik kepada kawasan luar bandar adalah lebih tinggi. Ini bermakna secara tidak langsung Kerajaan telah mengurangkan kos menyediakan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar.

SEMINAR SUFI - KEJAYAAN

8. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Seminar-seminar Sufi yang dianjurkan oleh Pusat Islam JPM mendatangkan hasil yang diharap-harapkan iaitu menghapuskan amalan dan ajaran sesat di kalangan rakyat di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, di antara kesan-kesan positif hasil dari Seminar Sufi peringkat Kebangsaan yang ada pada tiap-tiap tahun adalah seperti berikut:

- (a) wujudnya kesedaran di kalangan umat Islam khususnya peminat-peminat aliran kerohanian untuk merujuk perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu-ilmu kerohanian ini kepada pihak-pihak berkuasa agama terutama Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Sedangkan sebelum ini sebahagian dari pengamal-pengamal ilmu kerohanian berkenaan menganggap bahawa pihak-pihak lain tidak layak mencampuri urusan mereka. Oleh yang demikian, telah wujud hubungan yang baik di kalangan peminat-peminat amalan kerohanian, tariqat, tasauf dengan pihak-pihak berkuasa agama Islam di negara ini.
- (b) Masyarakat umum mendapat penerangan yang lebih jelas mengenai ilmu tasauf atau kerohanian apabila Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri menerbitkan beberapa buah buku hasil seminar itu, iaitu buku:
 - (i) Penjelasan Terhadap Beberapa Penyelewengan Di dalam Amalan Tariqat.
 - (ii) Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat.

PEMBALAKAN HUTAN TROPIKA - ISU MEMBORUKKAN IMEJ MALAYSIA

9. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang diambil bagi menerangkan atau kempen-kempen supaya kumpulan pencinta alam sekitar di Eropah tidak memburuk-burukkan Malaysia.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar dan sentiasa mengawasi kegiatan yang dijalankan oleh kumpulan-kumpulan pencinta alam sekitar yang mengaitkan isu pembalakan hutan tropika dengan masalah alam sekitar dunia untuk memburuk-burukkan imej negara-negara membangun termasuk negara ini.

Keadaan ini berlaku oleh sebab mereka kurang faham mengenai pengurusan alam sekitar, khususnya pengurusan hutan, di negara ini. Mereka menganggap bahawa aktiviti pembalakan di negara ini sama dengan tebangan bersih atau, dengan izin, clear felling, seperti mana yang dilakukan di negara-negara maju. Mereka juga bimbang bahawa dalam usaha melaksanakan pembangunan di negara-negara membangun akan memusnahkan hutan sebagaimana yang berlaku di negara-negara maju.

Dalam usaha untuk menjelaskan pengurusan alam sekitar di negara ini, khususnya membanteras kempen anti kayu tropika serta membetulkan tanggapan dan menyakinkan masyarakat dunia, berbagai usaha dan langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dari masa ke semasa yang di antaranya termasuklah:

- (i) mewujudkan Deklarasi Langkawi mengenai alam sekitar, termasuk peranan hutan, di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober 1989;

- (ii) menyediakan buku, filem dan risalah mengenai sistem pengurusan alam sekitar termasuk pengurusan hutan di negara ini untuk edaran di luar negeri;
- (iii) menghantar misi-misi khusus ke luar negeri untuk membetulkan tanggapan masyarakat dunia mengenai isu alam sekitar termasuk pengurusan hutan di negara ini serta mendapatkan persefahaman dan sokongan daripada Kerajaan-kerajaan negara asing yang berkenaan;
- (iv) mengambil bahagian yang aktif dalam persidangan dan mesyuarat antarabangsa berkaitan dengan alam sekitar dan isu pengurusan hutan tropika;
- (v) menerima panel pakar daripada Pertubuhan Antarabangsa Kayu Tropika (ITTO) untuk membuat penilaian ke atas sistem pengurusan hutan di Sarawak yang hasilnya ialah Sarawak mempunyai sistem pengurusan hutan yang baik;
- (vi) mengatur beberapa lawatan dan taklimat, terutamanya tetamu-tetamu negara, supaya mereka dapat memahami dasar dan pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar dan perhutanan di negara ini;
- (vii) menubuhkan Tabung Pembangunan Industri Kayu-kayan Malaysia yang boleh digunakan oleh industri-industri bagi membanteras kempen anti kayu tropika;

- (viii) menyediakan kertas bertajuk "An Initiative for the Greening of the World" yang akan dibentangkan dalam persidangan atau seminar di peringkat antarabangsa yang bersesuaian; dan
- (xi) menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kedua Peringkat Menteri di Kalangan Negara-negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada penghujung bulan April 1992.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dalam tahun 1991 berapakah misi yang telah diadakan di luar negara dan di manakah misi-misi itu diadakan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya angka-angka tentang misi-misi yang dihantar ke luar negeri ini telah dilakukan oleh Kementerian Perusahaan Utama dan di sini saya tidak ada angka berkenaan.

PELABURAN ASING - LANGKAH MENGEKALKAN

10. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada pelabur-pelabur asing akan membawa modal mereka ke tempat lain setelah memperolehi keuntungan yang banyak di atas dasar liberal Kerajaan Malaysia; dan jika benar apakah usaha untuk mengekalkan pelaburan asing di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, negara ini menggalakkan pelaburan sama ada

dari luar atau dalam negeri. Dasar penggalakkan pelaburan yang liberal yang diamalkan oleh negara telahpun menunjukkan hasil yang positif dalam bentuk pengaliran masuk pelaburan dari luar negeri dan juga peningkatan pelaburan tempatan ini telahpun menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi dan khususnya perkembangan sektor perindustrian. Memang terdapat pelabur-pelabur yang akan membawa balik modal selepas memperolehi keuntungan kerana di antara sebab-sebab mereka melabur di negara ini adalah untuk memperolehi keuntungan. Dalam hal ini negara juga mengamalkan kawalan pertukaran wang yang liberal. Semua pembayaran keluar negeri termasuk pengembalian keluar modal dan kiriman keluar keuntungan adalah dibenarkan tanpa sebarang sekatan.

Ini adalah satu daripada intensif-intensif bukan cukai yang disediakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan asing. Namun demikian, terdapat ramai pelabur yang telah melabur semula di negara ini oleh sebab iklim pelaburan yang menarik. Faktor-faktor seperti dasar-dasar liberal Kerajaan, kestabilan politik dan infrastruktur yang baik telah mendorong mereka melabur semula. Bagi menggalakkan pelabur-pelabur untuk mengekalkan pelaburan, di negara ini, Kerajaan juga menyediakan insentif cukai dalam bentuk elaun pelaburan semula atas kadar 40% bagi industri besar dan kadar 50% bagi industri kecil. Syarikat-syarikat yang melabur semula dalam operasinya untuk membesarkan kapasiti pengeluaran, memodenkan operasi atau memperbaiki produktiviti layak memohon insentif ini.

Bagi tempoh 1980-1989 sebanyak 1,060 projek telah diluluskan bagi elaun pelaburan semula. Jumlah pelaburan semula yang terlibat ialah \$8,785 juta, darimana \$2,562 juta adalah pelaburan asing. Bagi tahun 1990, angkanya ialah 127 projek dengan pelaburan semula sebanyak \$1,359 juta yang mana \$686 juta adalah pelaburan asing. Antara Januari hingga November 1991, MITI telah meluluskan 92 projek melibatkan pelaburan semula \$1,953 juta yang mana pelaburan asing ialah \$793 juta. Angka-angka ini adalah hanya bagi syarikat-syarikat perkilangan yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan telah mendapat kelulusan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk projek-projek pembezarannya.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan mempunyai dasar ataupun apa-apa insentif supaya pelabur-pelabur asing yang mendapat keuntungan, ini untuk melabur balik ke dalam negara ini. Ada apa-apa insentif yang diberi kepada mereka?

Tuan S.S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah katakan tadi, insentif cukai kita sediakan 40% atau 50% di bawah Insentif Elaun Pelaburan Semula. Itulah satu insentif, sama ada pelabur asing ataupun tempatan, jika mereka melakukan. insentif tempatan ini ataupun pembesaran kapasiti mereka, kita beri 40% untuk industri besar dan 50% untuk industri kecil.

BERAS PULUT - KAWALAN BEKALAN DAN HARGA

11. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pertanian khususnya kepada Pengarah Lembaga Padi dan Beras Negara menyatakan:

- (a) adakah pihak LPN tidak mempunyai bekalan beras pulut yang cukup untuk kegunaan pengguna-pengguna di negara ini; dan
- (b) bolehkah pihak LPN mengatasi harga beras pulut ini supaya tidak dinaikkan oleh pihak-pihak pekedai dan juga pemborong beras seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, LPN telahpun menerima beras palut sebanyak 15,000 tan metrik pada penghujung bulan September 1991 dan telahpun diedarkan kepada pemborong-pemborong. Oleh yang demikian, bekalan beras pulut ini cukup sehingga akhir tahun 1991 dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa sentiasa membuat pemeriksaan ke atas peniaga-peniaga bagi memastikan bekalan yang cukup di pasaran dan pengguna-pengguna mudah membelinya. Beras pulut dan beras pada amnya adalah barang

kawalan negara. Oleh itu, Pegawai-pegawai Penguatkuasa sentiasa membuat pemeriksaan di atas peniaga-peaiaga bagi memastikan bekalan beras pulut yang cukup di pasaran dan pengguna-pengguna mudah membelinya dengan harga yang ditetapkan di bawah Peraturan Kawalan Harga Beras 1974 dengan harga tidak melebihi \$1.20 sen sekilogram kepada pengguna.

TuanYang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.12.

TABUNG MODAL PUSINGAN KOPERASI

12. **Tuan Haji Abdul Rashid bin Ismail** (di bawah S.O. 23(2)) minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Tabung Modal Pusingan Koperasi yang disediakan oleh Kerajaan;
- (b) apakah kemudahan. dan kejayaan yang diperolehi oleh koperasi-koperasi melalui tabung ini sejak ianya ditubuhkan; dan
- (c) adakah Jabatan. Pembangunan Koperasi telah memberi penerangan yang meluas tentang wujudnya tabung ini dalam bentuk kempen. risalah, surat pekeliling dan lain-lain cara.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan. kepada soalan:

- (a) Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan ialah sebanyak \$42 juta;
- (b) tabung ini menyediakan. kemudahan pinjaman kepada koperasi-koperasi kecil dan sederhana bagi membolehkan koperasi-koperasi melaksanakan perojek-projek yang berdaya

maju dan memberi faedah kepada ahli-ahlinya. Kejayaan yang diperolehi oleh koperasi-koperasi dari kemudahan pinjaman ini telah membolehkan koperasi-koperasi melaksanakan projek-projek seperti modal pusingan, perumahan, bangunan, pertanian dan kenderaan. Keuntungan dari projek-projek yang dilaksanakan oleh koperasi telah menambahkan modal pusingan masing-masing dan mengeluarkan dividen kepada ahli-ahlinya. Di samping itu koperasi juga dapat mempelbagaikan aktiviti;

- (c) pemberitahuan serta hebahan mengenai wujudnya tabung ini telah dibuat melalui beberapa cara:
- (1) melalui mesyuarat-mesyuarat koperasi yang dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi;
 - (2) melalui perjumpaan di antara koperasi-koperasi dengan Jabatan yang diadakan 6 bulan sekali diperingkat negeri;
 - (3) melalui ucapan-ucapan para pemimpin di pelbagai majlis yang diadakan dari satu masa ke satu masa; dan
 - (4) surat pekeliling Jabatan kepada Pengarah-pengarah Negeri untuk dimaklumkan kepada koperasi-koperasi yang layak mendapat pinjaman.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, adakah menjadi satu dasar bahawa koperasi-koperasi yang mendapat pinjaman wang pusingan JPK setelah projeknya diusahakan mestilah dibayar terus

kepada JPK di ibu pejabat kemudian bakinya sahaja baharu dihantar balik kepada koperasi masing-masing.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, semua urusan pinjaman itu dibuat melalui ibu pejabat baik dari segi memproses, melulus dan juga membayar balik.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan daripada Timbalan Menteri tadi bahawa penjelasan yang meluas telahpun diberikan kepada jabatan ataupun kepada koperasi-koperasi. Saya ingin tahu daripada \$42 juta yang telahpun diperuntukkan. berapa jutakah yang telah dibahagikan kepada koperasi-koperasi?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sejak tabung ini mula diadakan di antara tahun 1986-1990 sejumlah \$14.7 juta telahpun dikeluarkan kepada 140 buah koperasi di seluruh negara.

PENGARAH/TIMBALAN PENDIDIKAN - LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN

13. **Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menilai prestasi kerja Pengarah-pengarah dan Timbalan-timbalan mereka secara profesional dan objektif demi masa depan kanak-kanak, bukan secara yang boleh dianggap kerana sebab-sebab sebagaimana yang diamalkan sekarang,

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya menilaikan prestasi kerja Pengarah-pengarah Pendidikan dan Timbalan-timbalan mereka secara profesional di mana mereka dinilai berdasarkan beberapa kriteria seperti dari aspek hasil kerja dan sumbangan, kebolehan memimpin, daya kreatif dan inovasi, aspek komunikasi serta bertanggungjawab dan sebagainya melalui Laporan Nilai Prestasi Tahunan. Kaedah penilaian ini diamalkan oleh keseluruhan agensi Kerajaan.

NEUROLOGIST - KEKURANGAN

14. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mendapatkan pakar luar negeri dalam bidang 'neurology' memandangkan kebanyakan kes kemalangan mati kerana kekurangan neurologist di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjelaskan di sini bahawa neurologist ialah pakar urat-saraf, manakala pakar bedah otak dipanggil Neuro-surgeon. Untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini pakar-pakar Neuro-surgeon hanya terdapat di Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar Johor Bahru. Namun demikian, perlu dinyatakan bahawa kes-kes kemalangan pada amnya boleh dikendalikan oleh pakar bedah umum, pakar bedah otopedik dan sebilangan sahaja memerlukan pengendalian oleh Neuro-surgeon. Dalam hal **ini**, pakar-pakar bedah umum dari Hospital-hospital Besar yang lain telah juga diberi pendedahan untuk mengendalikan kes-kes head injuries yang tertentu. Dengan langkah ini hanya kes-kes yang serius sahaja yang perlu dirujuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur ataupun Hospital Besar Johor Bahru.

Bagi perkembangan perkhidmatan Neuro-Surgeon di masa hadapan Kementerian telah menghantar 5 orang pegawai untuk menjalani latihan dalam bidang tersebut. Bagi bidang Neurologi pula, Kementerian telah mempunyai 5 orang pakar yang terlatih sementara seorang lagi sedang menjalani latihan di luar negeri.

Selain dari itu, sebagai langkah jangka pendek, pakar-pakar asing yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang memuaskan dalam kedua-dua bidang ini akan juga dipertimbangkan.

Jen. (3) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Neuro-Surgeon yang ada di dalam negeri ini mencukupi dan juga yang ada sekarang ini adakah daripada orang-orang kita iaitu local ataupun seconded, dengan izin.

Dato' K. Kumaran; Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah memberi jawapan bahawa Neuro-Surgeon pada masa ini tidak mencukupi. Oleh sebab itu kita telah menghantar pegawai-pegawai perubatan untuk latihan di luar negeri.

Kedua, pakar-pakar yang ada di tanahair kita **ini**, saya tidak pasti mereka ini adakah secara kontrak atau pegawai Kerajaan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kita sukar mendapat pakar-pakar dalam bidang perubatan ini daripada luar negeri.

ORANG-ORANG CACAT - KEMUDAHAN DAN PELUANG PEKERJAAN

15. **Tuan Hg Peng Hay** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-

- (a) adakah beliau telah mengarahkan pihak tertentu supaya menyediakan keistimewaan kepada orang-orang cacat. Sebagai contoh tempat duduk dalam kenderaan awam, tandas dan lain-lain. Sejauh manakah sambutan pihak tartantu; dan
- (b), bagaimana pula sambutan berhubung dengan pengambilan pekerja di kalangan orang-orang cacat. Berikan bilangan orang-orang cacat yang telah diambil bekerja sepanjang tahun 1990 hingga Jun 1991.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dari masa ke semasa menyeru dan menggalakkan syarikat-syarikat swasta untuk memberi perkhidmatan dan kemudahan khas kepada orang-orang cacat. Di antara kemudahan-kemudahan yang boleh disediakan ialah mengkhaskan tempat duduk dihadapan bagi orang-orang cacat - terutamanya orang cacat penglihatan - di dalam bas, pengumuman bersuara di stesen-stesen bas dan kaunter-kaunter perkhidmatan untuk orang cacat penglihatan, pengumuman secara visual atau bertulis kepada orang cacat pendengaran, menyediakan ramp yang menyenangkan pergerakan orang cacat anggota untuk masuk ke bangunan-bangunan dan menyediakan tandas khas.

Untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan kepada orang cacat, Kementerian ini telah mengujudkan satu Jawatankuasa Penasihat Kesejahteraan Orang Cacat dengan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil dari beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan orang cacat. Jawatankuasa ini sedang mengkaji dan meninjau keperluan-keperluan untuk orang cacat dan akan membuat perakuan terhadap perkara-perkara yang patut diwujudkan bagi kesejahteraan orang cacat.

- (b) Sejauh mana yang dapat dipastikan, sambutan yang diberikan oleh majikan-majikan untuk mengambil pekerja-pekerja orang cacat ini adalah menggalakkan. Ramai orang cacat, terutamanya orang cacat pendengaran dan cacat anggota telah berjaya mendapat pekerjaan melalui usaha sendiri tanpa bermasalah, Jabatan Kabajikan Masyarakat telah juga dapat menempatkan seramai 283 orang cacat dalam tahun 1990 dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Kementerian yang berkenaan memberitahu saya atau Dewan, beberapa orang cacat ini iaitu lelaki dan perempuan; Kemudian adakah dia berkahwin antara orang cacat dengan orang cacat atau dia dikahwini oleh orang-orang yang baik dan tidak cacat?

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada rekod-rekod atau angka-angka untuk saya berikan. Tetapi, dari pengalaman saya, saya perhatikan ada yang berkahwin - orang cacat dengan orang cacat, ada juga orang cacat dengan tidak orang cacat. Nampaknya bahagialah semuanya. **[Ketawa]**

MAJLIS PEGUAM - KONTROVERSI

16. **Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap Majlis Peguam berikutan tindakan Majlis yang memburuk-burukkan imej Negara di luar negeri seperti yang didedahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Mentari.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya apa-apa aktiviti Majlis Peguam melanggar atau menyalahi mana-mana perundangan, tindakan boleh diambil. Sebagai contoh jika apa yang dilakukan oleh Majlis Peguam melanggar peruntukan Akta Hasutan 1969, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun Yang Berhormat menjawab bagi pihak Menteri Kehakiman tetapi saya percaya soalan saya ini begitu mudah untuk dijawab, tidak payah pergi belajar undang-undang pun boleh jawab. Boleh atau tidak Kerajaan mengambil tindakan rneletakkan mereka ini di bawah undang-undang ISA. Kerana perbuatan mereka ini sudah keterlaluan, menjejaskan nama baik pimpinan kita dan boleh dianggap mensabotaj ekonomi negara kerana pelabur-pelabur takut hendak datang apabila dia mencerminkan keburukan negara kita. Jadi saya hendak tanya, pendek sahaja, boleh atau tidak kita letak dia di bawah undang-undang ISA. Kalau boleh kenapa tidak buat?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memandang bulu terhadap mana-mana pihak yang melanggar Akta Hasutan 1969. Sama ada peguam ataupun bukan, apabila Akta Hasutan ini dilanggar, maka mereka boleh dikenakan tindakan ISA.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa dia tidak pandang bulu baik ianya peguam atau sebagainya. Tetapi apakah tindakan Kementerian ini terhadap Bar Council baru-baru ini yang mana telah menjejaskan nama baik Malaysia dan juga memburuk-burukkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Dan ini boleh dianggapkan menjejaskan ekonomi di Malaysia ini sendiri disebabkan ramai pelabur-pelabur asing yang berminat melabur di Malaysia ini teragak-agak kerana perbuatan mereka ini. Jadi apakah tindakan Kementerian ini?

Dato' Drs. Saleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dalam Kerajaan kita tidak memandang bulu, Kerajaan juga tidak tergesa-gesa untuk mengambil sebarang tindakan terhadap pelanggar Akta Hasutan 1969 ini. Dan oleh kerana itu, pada masa sekarang ini sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah untuk meminda Akta Profesion Undang-undang. Di Dewan Rakyat sekarang ini sedang menggulung perbahasan atas Akta Profesion Undang-undang dan dengan pindaan terhadap Akta ini, maka Majlis Peguam akan menjalankan atau menumpukan tugas dan tanggungjawab mereka sesuai dengan peruntukan undang-undang itu bagi tujuan untuk memberi penumpuan kepada klien mereka dengan sewajarnya. Jadi sudah ada satu peraturan yang mengikut Akta Profesion Undang-undang ini, penumpuan apabila dipinda akan ditekankan terhadap tanggungjawab mereka iaitu memberi penumpuan yang sewajar bagi kepentingan ahli dan juga membela kepentingan kepada klien mereka.

CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS HOSPITAL SWASTA DAN BENGKEL KERETA

13. **Puan Rosalind You Shuk Meng** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan menyedari bahawa mengenakan 5% cukai perkhidmatan ke atas hospital swasta dan bengkel kereta (yang mana keuntungan melebihi \$150,000) telah menambahkan bebanan konsumer; adakah Kerajaan bercadang mengambil tindakan yang tegas bagi membatalkan cukai tersebut berdasarkan sebab adalah perkara yang sangat-sangat diperlukan oleh pihak konsumer untuk mendapatkan rawatan doktor pakar di klinik-klinik swasta memandangkan kepada kekurangan doktor pakar di Hospital Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memandang berat kesan-kesan ke atas golongan berpendapatan rendah apabila melaksanakan sesuatu cukai baru supaya mereka tidak dibebankan dengan cukai tambahan. Oleh yang demikian., hanya hospital persendirian yang mempunyai perolehaa tahunan melebihi \$300,000.00 setahun berpunca dari perkhidmatan-perkhidmatan yang ditetapkan tidak termasuk ubat-ubatan dan pusat-pusat servis untuk membaiki kenderaan bermotor yang mempunyai jualan perolehan tahunan melebihi \$150,000.00 setahun dari perkhidmatan-perkhidmatan yang ditetapkan, tidak termasuk alat-alat ganti - dikenakan cukai perkhidmatan. Dengan ini pusat-pusat servis sederhana dan kecil serta hospital persendirian kecil yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah tidak tertakluk kepada cukai ini. Langkah Kerajaan untuk memperluaskan skop cukai perkhidmatan dalam belanjawan baru-baru ini adalah merupakan usaha untuk memperkukuh asas cukai perkhidmatan sebagai satu cukai penggunaan yang seharusnya mempunyai asas yang luas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.
Soalan No. 17, saya terlupa tadi.

PENCEMARAN UDARA

17. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan di mana akhir-akhir ini terdapat banyak berlaku pencemaran udara, tidak adakah suatu penerangan yang menyeluruh oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan cadangkan supaya semua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah menyediakan alat pembakaran sampah sarap yang canggih 'incinerator' yang khusus.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa salah satu daripada sebab-sebab udara boleh tercemar ialah akibat dari sampah sarap yang terbakar di tapak-tapak pelupusan sampah. Buat masa ini, Kementerian saya sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini dengan menggunakan kaedah pelupusan yang dinamakan pengambusan tanah sanitary untuk tapak-tapak pelupusan sampah. Di samping itu juga tapak-tapak yang lama akan dipertingkatkan agar mematuhi segala piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Surat arahan telah juga dikeluarkan kepada semua pihak berkuasa tempatan supaya memberhentikan aktiviti pembakaran di tapak pelupusan.

Berkaitan dengan penggunaan incinerator, ia bukanlah satu sistem pembakaran sampah yang 100% dapat mengelakkan, pencemaran udara sekiranya ia tidak diselenggarakan dengan baik oleh tenaga kerja mahir yang berkaitan. Kos pembinaan incinerator amatlah mahal di samping kos operasi dan penyelenggaraan yang tinggi. Dengan mengambilkira tahap kemampuan kewangan pihak berkuasa tempatan,

adalah lebih baik dan ekonomik, jika pihak berkuasa tempatan mengadakan projek pengambusan tanah sanitary kerana kos pembinaan dan pengurusannya adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kos pembinaan dan pengurusan incinerator.

PERJANJIAN PERDAGANGAN DUA-HALA.

19. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) jumlah negara-negara Latin di Amerika Selatan yang telah dikunjungi oleh Perdana Menteri kita pada tahun ini, telah mula berdagang atau menandatangani perjanjian perdagangan dua-hala dengan, Malaysia;
- (b) bidang-bidang yang utama dalam sektor perdagangan dua-hala itu; dan
- (c) jumlah wang yang dilabur oleh Malaysia di negara-negara itu dan sebaliknya.

24.12.91

29. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah perdagangan dua hala dengan negara-negara Latin Amerika berikutan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara itu baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan lagi jumlah perdagangan dari Malaysia ke negara-negara Latin Amerika.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bersama dengan soalan Yang Berhormat Tuan K. Munisamy pada 24.12.91, kerana kedua-dua soalan adalah sama.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke Chile, Brazil dan Argentina dari 17hb Jun - 3hb Julai, 1991, Mexico dari 17 - 22 September, 1991 dan Venezuela dari 27 - 29 November, 1991. Negara-negara yang dilawati tersebut merupakan rakan perdagangan Malaysia yang utama di kalangan negara-negara Latin Amerika. Semasa lawatan tersebut Malaysia telah menandatangani beberapa perjanjian seperti berikut:-
- (i) Perjanjian Perdagangan Dua-hala dengan negara Argentina, Chile dan Venezuela;
 - (ii) Perjanjian Kerjasama Ekonomi, Teknikal dan Sainifik dengan Argentina, Chile dan Venezuela;
 - (iii) Perjanjian Peraturan Pembayaran Perdagangan oleh Bank Negara Malaysia dengan Bank Pusat Chile, Mexico dan Venezuela.

Tujuan utama perjanjian ini adalah untuk menggalakkan lagi perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan negara-negara Amerika Latin.

- (b) Jumlah perdagangan di antara Malaysia dan negara-negara Amerika Latin adalah \$1,689 juta pada tahun 1990 dan untuk lapan bulan pertama tahun ini, jumlah perdagangan yang tercatat ialah \$1,437 juta. Eksport utama Malaysia ialah getah, minyak sawit, alat-alat telekomunikasi, keluaran getah, alat dan kelengkapan perubatan, tekstil dan pakaian.

Import utama Malaysia dari negara-negara tersebut adalah gandum, makanan binatang, alat-alat pejabat, keluaran kimia, kapas, alat dan komponen. automobil, keluaran. besi dari keluli, Mengenai pelaburan usahawan. Malaysia di negara-negara tersebut, untuk makluman Yang Berhormat, usahawan-usahawan Malaysia telah mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sedang mengadakan. rundingan untuk mengadakan rundingan usaha-sama dalam projek-projek tertentu seperti pengeluaran. perabot, pengelolaan sampah dan sisa kilang injap, pengeluaran kelengkapan pakaian bagi industri petroleum, pembangunan. taman perindustrian, pembinaan parking station bagi minyak kelapa sawit dan di bidang perlombongan dan pembinaan hotel dan tempat-tempat peranginan. Ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak \$674 juta.

- (c) Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan perdagangan, Kerajaan juga bercadang menghantar rombongan perdagangan yang terdiri dari Ahli-ahli dari sektor swasta ke Argentina, Brazil, Chile, Mexico dan Venezuela pada tahun 1992 dan akan menyertai pameran perdagangan antarabangsa di Santiago, Chile. Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di rantau tersebut juga sentiasa mengedarkan maklumat mengenai potensi pasaran kepada ahli-ahli sektor swasta Malaysia dalam usaha mengeratkan hubungan perdagangan, Kerajaan negara-negara Amerika Latin juga menghantar rombongan Perdagangan Malaysia

seperti Chile yang telah mengadakan. Minggu Chile serta seminar mengenai peluang perdagangan di Malaysia pada bulan Oktober tahun ini. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga telah menubuhkan satu Urusetia Khas di Kementarian untuk membantu dan memberi maklumat-maklumat perdagangan negara-negara Amerika Latin kepada Ahli-ahli Perdagangan Malaysia.

Ahli-ahli pihak swasta Malaysia yang telah mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menubuhkan Persatuan Malaysia - Amerika Selatan bagi membantu Ahli-ahli Perniagaan yang ingin berdagang dengan negara-negara Amerika Latin.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

20. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) apakah cadangan untuk kemudahan transit di Lapangan Terbang Subang nanti dan bagaimana juga kemudahan sambungan penerbangan dari Sepang ke Subang, seperti yang terdapat dari Heathrow ke Gatwick di London; dan
- (b) adakah cadangan untuk mendirikan sebuah kantin bagi kakitangan Lapangan Terbang Subang serta orang ramai yang berpendapatan rendah ke kawasan lapangan terbang tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, bagi Lapangan terbang Antarabangsa yang baru di Sepang, Kerajaan akan membina dedicated highway and rail-link, dengan izin, dari Kuala Lumpur ke Lapanganterbang ini. Apabila Lapanganterbang Antarabangsa Sepang siap kelak, besar kemungkinan Lapanganterbang Antarabangsa Subang akan digunakan sebagai Pusat Industri Aviation, dengan izin, yang lain-lain dan dengan itu mengenai kemudahan sambungan. yang baik di antara Subang dan Sepang akan diambil kira.

Jawapan kepada (b), mengenai kemudahan. kantin untuk kakitangan Lapanganterbang dan orang ramai, kemudahan ini akan diadakan seperti juga kemudahan-kemudahan lain. yang lazimnya terdapat di sesebuah Lapangan terbang.

JUDI - PEHGLIBATAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

21. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan.:-

- (a) apakah Kerajaan sedar bahawa kebanyakan pembeli toto, empat nombor ekor, pengunjung kelab lumba kuda dan lain-lain judi kecil adalah terdiri dari golongan berpendapatan rendah; dan
- (b) jika sedar, apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pendedahan golongan berpendapatan rendah dari judi di atas.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian atau soal-selidik telah dibuat oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri mengenai latarbelakang sosio-ekonomi penjudi-penjudi di negara kita. Kajian ini meliputi kira-kira 3,300 orang pejudi. Analisa awalan kajian ke atas pejudi-pejudi ini menunjukkan bahawa kurang daripada 30% daripada pejudi-pejudi terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada \$500 sebulan. Kerajaan akan mengkaji dengan teliti penemuan sepenuhnya kajian yang telah dijalankan ini untuk menyediakan dasar dan strategi yang lebih berkesan bagi mengawal aktiviti perjudian di kalangan rakyat Malaysia termasuk mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam mesyuarat Dewan Rakyat yang lalu, Kementerian Kewangan telah memberi jawapan bahawa tidak akan ditambah lesen judi TOTO dan Empat Nombor Ekor. Tetapi pada masa sekarang kita melihat bahawa seluruh tanahair kita, di ceruk rantau, pekan, lorong dan juga ke kampung-kampung yang kecil telah ada kedai-kedai Empat Nombor Ekor. Kenapakah ia bertambah? Dan kita tahu bahawa judi adalah satu anasir yang tidak baik dan kemudiannya menghancurkan kehidupan orang miskin lebih banyak daripada orang kaya. Tidakkah Kementerian bercadang untuk menutup lesen dan menghapuskan judi Empat Nombor Ekor dan judi TOTO?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang lesen baru perjudian sejak dibuat pengumuman sedikit masa dahulu. Oleh itu kenyataan yang dibuat di Dewan Rakyat adalah benar. Mengenai kedai-kedai yang terdapat di beberapa tempat di negara **ini**, ini merupakan outlet-outlet ataupun kedai-kedai yang telah diluluskan sebelum **ini**, iaitu sebelum dasar mengenai tidak memberi lesen-lesen baru di keluarkan. Kerajaan sedar bahawa ada juga di kalangan golongan miskin yang berjudi, sepertimana yang saya katakan tadi dan mengikut kajian yang dibuat kira-kira 30% adalah mereka daripada golongan yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan. Oleh itu, Kerajaan akan mengkaji perkara ini untuk memastikan bahawa kegiatan judi akan terus terkawal di negara kita.

PENDATANG TANPA IZIN - JUMLAH

22. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Dalam Negeri menyatakan daripada banciaan yang telah dijalankan oleh Kerajaan, sila nyatakan jumlah anggaran pendatang-pendatang tanpa izin yang berada di Malaysia mengikut pecahan negara-uegara asal mereka seperti berikut:-

- (i) Thailand;
- (ii) Singapura;
- (iii) Indonesia;
- (iv) Myanmar;
- (v) Filipina;
- (vi) China;
- (vii) Pakistan;
- (viii) Bangladesh;
- (ix) India; dan
- Cx) Lain-lain..

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat memberi bilangan sebenar pendatang tanpa izin ke negara ini kerana kemasukan mereka ke sini adalah secara tidak teratur. Dalam operasi pengesahan pekerja asing tanpa izin dalam sektor pembinaan, perladangan dan perkhidmatan pembantu rumah yang dibuat boleh Kementerian Dalam Negeri setakat 11 hb Disember, 1991 bilangan yang telah didaftarkan adalah seperti berikut:-

(i)	Indonesia -	6,994
(ii)	Thailand-	174
(iii)	Bangladesh -	68
(iv)	Myanmar -	32
(v)	India -	12
(vi)	Pakistan -	4
(vii)	Filipina -	2
(viii)	Lain-lain -	1
	Jumlah:	7,287

=====

FELDA, RISDA, FELCRA - PENYATUAN

23. **Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah rationale wawasan yang hendak dituju dalam pengumuman baru-baru ini untuk menyatukan FELDA, RISDA dan FELCRA. Walhal ketiga-tiga institusi ini lahir dari objektif yang betbeza-beza. Dengan kemungkinan berbagai kerumitan, yang akan diselami muslimat penyatuan ketiga-tiga institusi ini, bolehkah pihak Kerajaan pastikan segala nikmat pihak bumiputera sekarang tidak terjejas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun FELDA, FELCRA dan RISDA merupakan iastitusi-institusi yang berbeza, ketiga-tiganya mempunyai perkaitan rapat sebagai agensi pembangunan tanah yang bermatlamat antara lain untuk menentukan supaya sumber tanah itu diusahakan dan diuruskan dengan cekap mengikut amalan perladangan yang kemaskini untuk memberi pulangan yang sebaik mungkin kepada pemilik-pemiliknya. Kumpulan sasar ketiga-tiga institusi itu secara kelompok adalah kumpulan pekebun-pekebun kecil yang berjumlah melebihi 500,000 isirumah di seluruh negara.

Cadangan untuk mengadakan kajian ke atas ketiga-tiga agensi itu adalah bagi mewujudkan rasionalisasi dalam bidang tugas masing-masing. Ini bertujuan untuk mengenalpasti sebarang penindihan fungsi serta aspek-aspek negatif yang lain yang boleh menjejaskan dan membawa kerugian kepada sektor pekebun-pekebun kecil itu. Hasil dari kajian itu nanti, langkah-langkah yang perlu akan dapat diambil untuk memperbaiki dan memperkemaskan fungsi serta bidang liputan masing-masing. Dengan usaha rasionalisasi itu juga adalah diharapkan matlamat tahap produktiviti dan pendapatan pekebun-pekebun kecil akan terus terjamin ataupun diperbaiki lagi.

Begitu juga adalah diharap langkah-langkah perlu dapat diambil terutamanya dari segi permodenan ekonomi pekebun-pekebun kecil serta memberikan teknologi serta cara-cara mengurus yang cekap akan dapat memperbaiki keadaan ekonomi serta menyediakan pekebun-pekebun kecil menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar. Adalah ditegaskan dalam kajian ini, masa hadapan dan kebajikan pekebun-pekebun kecil sentiasa diambilkira.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan sudah cukup, sekarang kita terus pergi kepada perkara yang lain.

[Masa antuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 24 hingga 51 akan diberi dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.31 ptg.**

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun **itu**, dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan mutakhir dalara senario ekonomi antarabangsa telah menunjukkan kepada kita bahawa betapa perlunya kita mengambil langkah-langkah berkesan untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang mampan, seperti yang termaktub dalam atrategi Belanjaan 1992. Kita perlu memperkukuhkan sumber-sumber pertumbuhan ekonomi dalam negeri memandangkan petunjuk-petunjuk terbaharu ekonomi dunia yang tidak menggalakkan.

Berdasarkan maklumat terakhir, pertumbuhan ekonomi dunia bagi tahun 1992 dijangka tidak akan mencapai paras yang diramalkan beberapa bulan dahulu disebabkan oleh pemulihan, ekonomi negara-negara industri yang lebih perlahan. Ekonomi Amerika Syarikat dikatakan berada dalam fasa pemulihan, tetapi proses pemulihan tersebut berjalan pada kadar yang lebih perlahan dari yang

dijangkakan. Keyakinan pengguna dan pelabur berada di paras yang rendah dan tanggungan hutan swasta dan korporat adalah tinggi. Ekonomi negara Jepun dan Jerman mula mengalami pertumbuhan yang lembab berbanding dengan prestasi cemerlang pada tahun 1990 dan sebahagian besar tahun 1991. Keadaan ini, serta kadar faedah sebenar yang tinggi di Eropah menjejaskan pertumbuhan, pemulihan yang lemah di United Kingdom dan kadar pengangguran yang tinggi di Perancis akan membawa kepada pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian pada kadar yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan iaitu di paras melebihi sedikit daripada 2% bagi tahun 1992.

Kita harus peka dengan senario baru ini kerana sifat ekonomi kita yang terbuka dan akan dipengaruhi oleh prestasi ekonomi di negara-negara perindustrian. Meskipun faktor dari luar tidak begitu menggalakkan, kita yakin insya Allah, hasil ekonomi Malaysia akan berkembang pada paras 8.5% dalam tahun 1992. Sebahagian besar dari pertumbuhan ini dianggarkan terus berpunca dari permintaan agregat dalam negeri yang diramalkan masih lagi teguh, walaupun berkurangan sedikit berbanding dengan tahun 1991. Meskipun ada kalangan yang mempertikaikan keampuan kita untuk mencapai pertumbuhan yang begitu tinggi, berdasarkan petunjuk ekonomi, kita berkeyakinan bahawa unjuran tersebut adalah realistik. Jika kita melaksanakan strategi Belanjawan 1992 dengan bijaksana dan berkesan, saya yakin bahawa matlamat itu dapat dicapai walaupun suasana ekonomi masih tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, strategi Belanjawan 1992 seperti yang saya bentang di Dewan Rakyat pada 1 hb November lalu adalah menjurus ke arah:-

- (i) memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan harga yang stabil;
- (ii) mengukuhkan imbangan pembayaran;
- (iii) memupuk sikap cermat dan berhemat bagi menggalakkan tabungannya; dan.
- (iv) mengukuhkan ketahanan ekonomi negara.

Untuk melaksanakan strategi tersebut, bagi tahun 1992, saya mencadangkan peruntukan perbelanjaan sejumlah \$45.447 bilion. Daripada jumlah ini \$33.925 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus, manakala \$11.522 bilion adalah untuk perbelanjaan pembangunan. Anggaran perbelanjaan ini meningkat sebanyak \$6.973 bilion atau 18.3% jika dibandingkan dengan peruntukan asal tahun 1991 yang berjumlah sebanyak \$38.474 bilion. Anggaran ini termasuk peruntukan bagi bayaran tunggakan gaji dibawah Sistem Saraan Baru untuk kakitangan perkhidmatan awam yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$2.9 bilion.

Pertambahan perbelanjaan sektor awam ini adalah untuk tujuan produktif dan meningkatkan keupayaan ekonomi dalam jangka panjang. Untuk mencapai maksud ini, Kerajaan perlu melaksanakan projek-projek infrastruktur untuk mengelakkan kesesakan. Kita juga perlu

meningkatkan program latihan untuk menambah jumlah tenaga mahir yang amat diperlukan dalam program perindustrian yang pesat. program penyelidikan dan pembangunan juga diperluaskan supaya ekonomi dan industri kita terus meningkatkan daya saing terutamanya untuk pasaran antarabangsa. Semua langkah-langkah ini adalah selaras dengan cita-cita untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kadar pertumbuhan, perbelanjaan yang lebih tinggi juga disebabkan oleh pelaksanaan Sistem Saraan Baru. Kerajaan berkeyakinan bahawa tenaga sektor awam telah berkhidmat dengan setia dan wajar mendapat pelarasan gaji. Justeru itu, kita mengharapkan dengan pelaksanaan Sistem Saraan Baru ini komitmen tenaga kerja sektor awam untuk meningkatkan mutu dan produktiviti kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mencadangkan beberapa perubahan dalam Sistem Galakan dan Percukaian untuk keperluan perkembangan industri negara di masa yang akan datang. Antara yang terpenting ialah penghapusan Skim Galakan Printis seperti yang sedia ada. Cadangan ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memberikan keutamaan kepada pelaburan yang bermodal intensif dan berteknologi tinggi. Selama ini syarikat taraf perintis tidak membayar sebarang cukai walaupun menikmati pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur yang disediakan oleh Kerajaan. Meskipun Kerajaan mengkaji semula galakan pelaburan, para pelabur tidak perlu bimbang kerana galakan cukai yang lain termasuk elaun pelaburan semula bertujuan untuk menggalakkan syarikat yang sedang beroperasi melabur semula akan dikekalkan. Di samping galakan cukai Kerajaan dari masa ke semasa mengkaji galakan-galakan lain khususnya galakan bukan cukai bagi menarik lebih ramai pelabur asing terutama dalam bidang teknologi tinggi.

Saya juga mencadangkan beberapa langkah percukaian untuk memperkukuh asas pendapatan Kerajaan kerana pertumbuhan pendapatan Kerajaan tidak selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Ini termasuklah memperluaskan skop cukai perkhidmatan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh firma-firma profesional, hospital persendirian, firma juruperunding, agen-agen penghantaran serta pusat-pusat servis dan pembaikan kereta, Kerajaan telah memastikan agar pelaksanaan cukai ini tidak membebankan orang ramai dan syarikat-syarikat kecil.

Saya juga telah mengumumkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi oleh orang ramai. Berdasarkan permintaan orang ramai, Kerajaan telah bersetuju meluluskan pengeluaran 10% dari harga rumah daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pencarum-pencarum yang telah memperolehi pinjaman keseluruhannya untuk membeli rumah kos rendah untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan sampingan. Kemudahan ini juga diberikan kepada semua pencarum yang membeli rumah kos rendah tanpa mengira jumlah pinjaman yang diperolehi daripada sumber-sumber lain.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan had maksimum pengeluaran caruman KWSP bagi pembelian rumah kos sederhana dan tinggi dari \$20,000 kepada \$40,000 berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1992. Jumlah kenaikan ini akan membantu pencarum-pencarum yang ingin menggunakan lebih banyak lagi simpanan mereka dan mengurangkan jumlah pinjaman untuk pembelian rumah. Jumlah pinjaman yang lebih rendah akan membantu mengurangkan

bayaran bulanan pembelian rumah tetapi saya berharap pemaju perumahan tidak akan mengambil kesempatan dengan kemudahan baru ini untuk menaikkan harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun Belanjawan yang dicadangkan ini adalah untuk tempoh satu tahun, kita telah menghubungkan dengan matlamat ekonomi negara jangka panjang, kita sentiasa memandang jauh ke hadapan, kita berhasrat untuk membina bangsa Malaysia yang kuat, berdaya saing dan berdaya tahan, bangsa Malaysia yang mampu menangani cabaran globalisme atau kesejagatan, bangsa yang dinamik bersama kemunculan rantau pasifik sebagai paksi kegiatan ekonomi dunia. Bangsa yang memiliki kekuatan akal budi, moral, akhlak dan budaya. Justeru itu kita menjadikan Belanjawan 1992 sebagai langkah pertama ke arah menjayakan cita-cita dan matlamat Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Negara. Apabila kita memiliki gagasan besar seperti **ini**, ada kalangan yang mengambil sikap sinis bahawa Belanjawan 1992 tidak mempunyai strategi yang jelas untuk mengatasi beberapa permasalahan ekonomi semasa seperti inflasi dan defisit akaun semasa imbalan pembayaran.

Saya kira, kita perlu membina tradisi berpandangan jauh dan luas. Pandangan kita tidak boleh dikongkong oleh keperluan jangka pendek dan kepentingan sektoral yang kecil. Keperluan semasa dan sektoral atau subsektoral yang mendesak perlu diatasi dengan langkah-langkah yang bersesuaian tetapi kita tidak boleh menjadi

gawat dengan permasalahan yang bersifat sementara dan secara nisbinya kecil sehingga tidak sempat berfikir strategi jangka panjang. Ketika yang sama kita perlu prihatin dengan kemungkinan muncul masalah yang tidak dijangkakan, dengan izin, unintended effect, dari langkah yang diambil untuk mengatasi sesuatu masalah. Inilah yang berlaku apabila negara-negara Kumpulan 7 memaksa Jepun menaikkan nilai Yen melalui Plaza Accord dengan tujuan untuk mengurangkan defisit perdagangan negara-negara barat. Tetapi setelah enam tahun matlamat persetujuan tersebut tidak tercapai, defisit dagangan negara-negara tersebut semakin meruncing. Dan yang berlaku ialah pembelian secara besar-besaran syarikat dan harta di Amerika Syarikat dan Eropah oleh syarikat-syarikat Jepun kerana harta dan syarikat tersebut telah menjadi murah kepada pelabur Jepun dengan kenaikan nilai Yen.

Belanjawan 1992 mempunyai strategi yang jelas untuk mengatasi masalah inflasi dan defisit akaun semasa imbangan pembayaran. Dalam mengambil masalah inflasi, kita dapat mengenalpasti betapa setengah pihak menjadi gawat dan kehilangan perspektif dan menggesa Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih keras untuk membendung kenaikan harga pada kadar inflasi kita. Kita harus sedar bahawa ekonomi negara mengalami pertumbuhan yang sungguh pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Tetapi ini dicapai dengan kadar inflasi yang rendah jika dibandingkan dengan yang dialami oleh negara-negara di

rantau mahupun dunia. Kadar inflasi kita diukur dengan indeks harga pengguna hanyalah 4.5% berbanding dengan 5.4% di Amerika Syarikat, 11.3% di Hong Kong, 11% di Korea Selatan, 9.1% di Indonesia, 26.6% di Mexico, 63.6% di Turkey, 1,287% di Brazil dan 3,399% di Peru. Kadar inflasi negara terus berada di peringkat yang rendah kerana Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar fiskal yang bersesuaian. Dalam bulan Ogos tahun ini, Kerajaan telah mengambil langkah kewangan untuk mengurangkan pertumbuhan bekalan wang dalam sistem bank. Tekanan inflasi telah mulai reda dan kita berkeyakinan inflasi dalam tahun ini akan stabil pada paras 4.5%. Kita tidak boleh terburu-buru menambah langkah kewangan sahaja untuk mengawal inflasi kerana kesan sampingannya ialah paras faedah akan naik dan kos pelaburan akan meningkat. Kita mahukan kos pelaburan terus di paras yang sesuai untuk menggalakkan pelaburan dan seterusnya menjamin kadar pertumbuhan yang tinggi.

Begitu juga kita tidak boleh terburu-buru menggunakan langkah fiskal termasuk percukaian untuk mengawal inflasi sehingga membebankan rakyat, yang penting ialah penyelarasan dasar kewangan dan fiskal yang wajar. Kita mahukan rakyat bersama dalam usaha mengawal kenaikan harga dengan meningkatkan tabungan dan mengurangkan amalan berbelanja untuk barang mewah.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu prihatin dengan kemerosotan tabungan negara terutamanya tabungan swasta. Sepatutnya kadar

tabungan swasta perlu meningkat sejajar dengan pendapatan rakyat tetapi yang berlaku ialah pendapatan bertambah tetapi tabungan merosot. Jelas ada tanda-tanda bahawa kecenderungan berbelanja dengan mewah dan boros dan kadang-kadang melebihi kemampuan telah mula merebak dalam masyarakat. Tabiat ini perlu dikawal dan budaya menabung dalam masyarakat kita perlu ditanam sejak kecil, kita perlu belajar dari kelesuan yang melanda ekonomi dan masyarakat Amerika Syarikat yang telah menyebabkan ia muncul sebagai negara yang paling banyak mempunyai hutang luar negeri kerana rakyat berbelanja boros dan menyebabkan negara itu terpaksa meminjam untuk membiayai pelaburan. Justeru itu, Belanjawan 1992 telah mengemukakan langkah menggalakkan tabungan.

Berhubungan dengan masalah kedua, defisit akaun semasa imbalan pembayaran. Saya ingin menegaskan bahawa masalah ini bersifat sementara, walaupun akaun semasa imbalan pembayaran negara dianggarkan mencatat defisit yang besar sebanyak \$11.8 billion dalam tahun 1991 berbanding dengan \$4.5 billion pada tahun 1990.

Tetapi defisit yang besar ini adalah semata-mata disebabkan oleh kadar pertumbuhan import yang pesat dan melebihi pertambahan eksport serta kedudukan defisit akaun perkhidmatan yang meningkat. Keadaan ini tidak dapat dielakkan oleh kerana negara kita sekarang mengalami proses perindustrian yang pesat, yang memerlukan pengimportan barang-barang modal, dengan izin, capital goods dan perantaraan (intermediate goods) yang banyak dari luar negeri. Keadaan yang sama berlaku di negara-negara lain seperti Thailand dan satu masa dahulu oleh Jepun dan Korea Selatan.

Keadaan yang kita hadapi ialah pengimportan barang-barang modal bertujuan untuk membesarkan keupayaan sektor perkilangan dalam negara dan ini adalah merupakan pelaburan negara untuk masa depan. Perkara ini berlaku ekoran dari langkah-langkah untuk memperkembangkan sektor perkilangan negara dengan memberi insentif kepada pelabur swasta, termasuk pelabur asing. Keadaan yang kita alami sekarang boleh dianggap sebagai tempoh peralihan dan merupakan gejala sementara dan dalam jangka panjang, akan membantu negara meningkatkan eksport. Malah kedudukan defisit imbang pembayaran akan bertambah baik apabila barang-barang modal dan perantaraan yang diimport dapat menghasilkan keluaran eksport perkilangan dan defisit akaun perkhidmatan akan dikurangkan.

Perangkaan terakhir menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan eksport dapat dikekalkan, manakala import telah berkurangan. Ini

berita yang amat menggalakkan. Berasaskan kepada keadaan ini, kita jangkakan defisit yang kita alami sekarang akan dapat diatasi, insya Allah, dalam tempoh dua atau tiga tahun selewat-lewatnya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, prasarana fizikal semata-mata tidak mencukupi untuk membina kekuatan ekonomi untuk masa depan. Yang lebih penting kekuatan ekonomi ialah sumber manusia kerana pembangunan sumber manusia adalah intisari kepada pembangunan. Justeru itu, paksi kepada strategi Dasar Pembangunan Negara adalah pembangunan sumber manusia. Kita telah menjalankan reformasi pendidikan, termasuk dengan memperkenalkan disiplin kemahiran hidup dan meluaskan pendidikan vokasional untuk meningkatkan keterampilan generasi akan datang. Institusi latihan kita bukan sahaja perlu inovatif dan imaginatif untuk mengenalpasti idea, konsep dan teknologi baru yang sedang muncul dan bakal menjadi trend di masa hadapan, tetapi dapat memupuk kesedaran, muafakat disiplin dan kekuatan akhlak yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu memiliki keyakinan dalam mengurus ekonomi negara kita. Kita perlu peka dengan segala pandangan, tetapi kita tidak boleh menjadi gawat dan membuat rumusan gopoh untuk memenuhi kehendak dan kepentingan jangka pendek atau sektor tertentu. Kita perlu melihat kepentingan ekonomi keseluruhannya dan juga kepentingan ekonomi dalam jangka panjang. Keutuhan ekonomi kita dalam jangka panjang ialah dasar ekonomi yang dapat merangsang pertumbuhan yang mampan. Tetapi keghairahan

mengejar pertumbuhan perlu diimbangi dengan semangat kesaksamaan, keadilan sosial, azam dan tekad politik (political will) untuk membela nasib masyarakat yang melarat miskin. Pertumbuhan ekonomi tidak boleh mengagihkan prinsip pengagihan yang saksama. Oleh itu, kita telah merangka strategi-strategi Belanjawan 1992 untuk mencapai cita-cita dan hasrat mulia tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Azman Atar.

3.55 ptg.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1992 sebagai orang yang pertama di dalam Dewan Negara ini.

Sebelum saya membahas satu demi satu menyentuh Kementerian-kementerian yang diperuntukkan, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar dan semua kakitangan di bawah Kementerian beliau yang telah

dapat menyediakan satu Belanjawan yang begitu memuaskan dan begitu disambut baik oleh seluruh rakyat jelata. Pada hari ini merupakan peringkat yang terakhir untuk menentukan Rang Undang-undang ini untuk kita pergunakan pada tahun 1992. Kalaulah ada di antara salah seorang dalam Dewan ini yang tidak mempunyai pemikiran yang waras, mengeluarkan ucapan dan membahas dengan pandangan yang sumbang, saya percaya takut-takut apa sahaja yang dicita-citai oleh Kementerian Kewangan pada tahun 1992 di dalam Belanjawan ini tidak akan tercapai.

Tetapi alhamdulillah, kami bersyukur kerana siapa sahaja yang berada di dalam Dewan Negara ini, saya memberi jaminan, adalah berfikiran waras dan mempunyai kedudukan yang baik walaupun ada pihak-pihak yang mengatakan kami **ini**, Ahli-ahli Dewan Negara sebagai "rubber stamp". Tetapi kami hendak memberitahu, ini dia kuasa yang dianggap "rubber stamp", iaitu Ahli-ahli Dewan Negara memberitahu kepada orang-orang yang pernah mengatakan kami ini sebagai "rubber stamp", sebagai "pak angguk", hanya meluluskan apa sahaja Rang Undang-undang yang sampai ke Dewan **ini**, hari ini kami hendak buktikan bahawa kami bukan "rubber stamp". Kami menyokong penuh Rang Undang-undang ini, tetapi kami terpaksa memberikan kata nasihat kepada tiap-tiap Kementerian yang akan menggunakan wang yang telah disediakan oleh Menteri Kewangan untuk pengurusan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada pimpinan negara kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Tuan Abdul Ghafar dan Menteri-menteri Kabinetnya daripada parti komponen yang

telah diberi mandat oleh rakyat dalam pilihanraya pada tahun 1990 dan berkemampuan untuk menyediakan satu Belanjawan 1992 dengan memberikan kepuasan kepada semua pihak tanpa menganaktirikan, walaupun ada-ada pihak yang kita tahu dan kenal sebagai Pembangkang yang tidak menyokong kepada parti kita. Inilah satu keistimewaan Malaysia. Walaupun kita tahu ada yang tidak bersetuju untuk kita menubuhkan Kerajaan, tetapi bila kita sudah berjaya, kita anggap mereka juga sebagai anak kita, cuma kita bezakan antara anak kandung dengan anak angkat sahaja. Jadi tak menjadi salah kalau kita tidak melayan sangat, tidak memberi kemudahan sebagaimana kita anggap sebagai anak kandung kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya menyentuh masalah Belanjawan yang akan disediakan dalam pengurusan pada tahun 1992 sebanyak \$23,151,852,890. Maksud B.1 yang diperuntukkan kepada Parlimen sendiri yang berjumlah \$17,198,200. Saya amat puas hati kepada perjalanan Parlimen **ini**, mahupun dari segi anggotanya, tenaganya, stafnya dan sebagainya. Cuma saya bezakan, apabila saya membuat lawatan ke negara luar di mana baru-baru ini saya pergi ke Korea, saya dapati di kawasan Parlimen negara Korea mempunyai satu bilik perpustakaan yang mengandungi 200 kakitangan yang mengendalikan bilik perpustakaan **ini**. Saya ingat Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain hendak buat teguran tadi, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah terperanjat bila dia berdiri tadi.

Jadi, bila saya lihat, saya kagum Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan Negara, kerana jangan pula tuan-tuan kecil hati kerana saya dapat terpilih pergi melawat hari itu. Jadi, bila saya balik, saya tidak sia-sia, saya balik saya bercerita kepada tuan-tuan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat apa yang saya lihat di sana. Sekarang saya hendak sebut. Soal aktiviti malam tidak ada apa benda sejuk di sana. Kami habis program siang yang begitu ketat, balik malam terus tidur. Dan waktu siang kami dapat melawat dan diberikan penghormatan yang begitu tinggi dan bila mereka memanggil kita dan menyebut nama kita dengan menggunakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Your Excellency, Honorable - bukan main tinggi lagi.

Itu pun ada orang yang mengatakan Senator ini rendah. Jangan main-main, pergi ke luar negeri, panggil "Your Excellency", selepas itu angguk, "Honourable". Minta Maaflah, Menteri Kewangan jangan pula kami cakap kami ini tinggi dianggap hendak menjatuhkan Yang Berhormat, Yang Berhormat tetap tinggi dan akan semakin tinggi. Jadi, kami kagum bila kami dibawa melawat Bilik Perpustakaan kami lihat 200 orang tenaga pekerja yang mengurus Bilik Perpustakaan di mana saya rasa negara Malaysia harus contohi apa yang telah ditunjukkan oleh negara Korea. Keistimewaan yang harus kami beritahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, bila kita teringat peristiwa lima tahun pernah berlaku di Memali, misal kata kita pun pergi ke Bilik Perpustakaan, pergi jumpa pegawai, "Cuba you tengok kes di Memali Lima tahun yang sudah; cuba you buka." Apabila dibuka

sahaja fail ada apa yang berlaku. Begitulah apa sahaja peristiwa dalam negara, bukannya sahaja ada. Seorang lagi ustazah bangkit, saya ingat Yang Berhormat bangkit hendak minta penjelasan tadi, minta maaf, fasal bila ada wakil 46 dan wakil PAS dalam Dewan Negara **ini**, ini kali yang pertama, untuk pengetahuan Menteri Kewangan, jadi bila saya hendak membahaskan Rang Undang-undang ini saya kena berhati-hati. Bila saya bercakap memandangkan Tuan Yang di-Pertua, mata saya menjeling sahaja kepadanya, dia bangkit atau tidak. Bila dia bangkit sudah siap dalam kepala saya apa hendak jawab. Tetapi Alhamdulillah, dia keluar pergi minum. **[Ketawa]**

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bila sampai perkara-perkara yang kami tengok begitu kagum, pada hal Korea baru memerintah, baru merdeka 40 tahun. Ia telah membangun begitu cepat dengan apa sahaja, kagum kepada kita untuk melihat. Maka dengan itu saya berharap oleh kerana Menteri Kewangan, masih ada dalam Dewan kita ini, kalau sekiranya ada daripada pihak Parlimen meminta dan memohon rayuan bagi pihak Menteri Kewangan supaya memberikan Belanjawan Tambahan untuk Perpustakaan yang saya sebutkan tadi, berilah dan janganlah ditahan-tahan. Ini semuanya untuk kegunaan kepada negara dan memberikan satu pandangan kepada dunia luar kalau ada pelawat-pelawat, mereka datang untuk melawat dan didapati bahawa negara kita bukan hanya cakap temberang di luar, tetapi kita juga berkemampuan apa sahaja yang ada di negara-negara luar, kita juga mempunyai perkara-perkara yang kita mampu untuk mengadakannya.

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh dalam Kementerian-kementerian lain, umpamanya Maksud B.2, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Jabatan Audit, Suruhanjaya Pilihanraya, mungkin sahabat-sahabat saya yang lain akan menyentuh perkara ini. Jabatan Perdana Menteri, Maksud B.7 yang telah diperuntukkan \$482,285,800. Saya percaya peruntukan ini besar kerana Bandaraya juga termasuk di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, saya ingin membuat teguran apa sahaja yang berlaku di Dewan Bandaraya di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri di mana Perdana Menteri sendiri selaku Menterinya supaya dapat mengambil perhatian yang begitu serius terutamanya daripada setinggannya, daripada perumahan yang dibina oleh joint-venture antara Bandaraya dengan syarikat-syarikat swasta supaya mereka atau rakyat yang ada dalam Wilayah ini tidak tertindas.

Pertama, saya hendak sebut kepada Yang Berhormat mungkin ada yang tahu, mungkin ada yang tidak tahu. Wilayah Persekutuan merupakan sebuah negeri yang mempunyai satu pentadbiran yang tidak serupa dengan negeri-negeri Yang Berhormat-Yang Berhormat lain. kerana Yang Berhormat mempunyai negeri, mempunyai Ketua Pentadbiran Negeri, iaitu Menteri Besar. Kalau Melaka, di Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak mempunyai Ketua Menteri, kami tidak ada Menteri, kami tidak ada Ketua Menteri, kami tidak ada Pegawai Daerah, kami tidak ada Dato' Penghulu. Maka, Ahli Yang Berhormatlah yang menjadi Pegawai Daerah, dialah menjadi Dato' Panghulu dan berbagai-bagai

jawatan apa sahaja yang ada di tempat tuan-tuan dipertanggungjawabkan kepada Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat daripada Barisan Nasional di Wilayah Persekutuan. Maka, itu sebabnya kadangkala Yang Berhormat sendiri dengar begitu lantang suara saya kerana saya hendak memperingatkan perkara ini supaya mana-mana pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang serius terhadap apa yang ditanggung oleh rakyat di Wilayah Persekutuan ini terutamanya Parti Barisan Nasional yang telah meletakkan Kerajaan kita sebagai sebuah Kerajaan yang memberi keistimewaan, kemudahan dan segala-galanya kepada rakyat. Tetapi apa yang diterima di peringkat negeri lain, tidak sepenuhnya diterima oleh rakyat di Wilayah Persekutuan kerana kami tidak dapat hendak bermanja kepada Ketua Pentadbiran negeri kami sebab dia bukan orang politik, dia adalah Datuk Bandar, dengan izin, a Mayor.

Datuk Bandar, dia mempunyai satu Perlembagaannya sendiri, dia berkuasa membuat apa sahaja sebarang keputusan dengan izin, overruled - apa sahaja. Tetapi saya tidak pula mengata Datuk Bandar yang ada sekarang ini tidak baik. Saya mengakui Datuk Bandar yang ada sekarang bolehlah dikatakan bagus, banyak memberikan perubahan dalam Wilayah, mencantikkan Bandaraya dan sebagainya, tetapi perlu ditegur. Datuk Bandar perlu melihat keadaan tugas dan tanggungjawab orang-orang di bawahnya, pengarah-pengarahnya. Pertama, pastikan Pengarah itu, dia sedar, dia duduk di situ kerana UMNO yang memerintah, kerana UMNO yang menjadi tulang belakang kepada parti yang memerintah sekarang di mana Barisan Nasional, parti komponen

MCA, Gerakan, MIC dan juga parti-parti yang lain membuatkan dia duduk sebagai Pengarah di atas. Jangan ada Pengarah yang tidak campur dengan politik, tidak menjadi ahli UMNO, tidak menjadi ahli MCA, tidak menjadi ahli Gerakan, tidak menjadi ahli MIC, tetapi dia menjadi sabotaj dan menyakitkan hati rakyat yang ada dalam Kuala Lumpur ini.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, dan juga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, biasa saya dengar Pengarah, surat sokongan Yang Berhormat Ahli Parlimen pun dia boleh baling masuk ke dalam tong sampah. Apakah biadabnya pegawai semacam ini? Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Awak sedarlah ini Kerajaan yang memerintah, hari ini saya hendak beritahu mengenai Jabatan Perdana Menteri yang kami bahaskan perbelanjaan \$480 milion ini termasuk gaji pengarah-pengarah yang saya hendak sebut ini. Kalau kami tidak luluskan, tidak merasa gaji tahun depan, jawapnya balik kampung jual bubur kacang. Ini kami hendak beritahu, tolonglah kalau sudah pegawai Kerajaan itu, saya tidak kata semua pegawai Kerajaan tidak baik, separuh, tiga suku atau 95%, saya salute memang bagus, dapat mengasingkan dirinya sebagai pegawai Kerajaan, makna Kerajaan itu adalah kami.

Kita ini pembuat dasar, kita menentukan masa depan negara, hendak jadi komuniskah, hendak jadi apakah bentuk negara, ini kami yang menentukan semua ini. Pegawai Kerajaan setelah kami putuskan dasar ini serahkan kepada tuan-tuan, tuan-tuan jalankan. Buat kerja dengan baik, itu **dia**, jangan campur hal politik. Kalau hendak campur dalam politik, nah! Berhenti, mari masuk politik, jumpa dengan kami, bertanding apa jawatan yang hendak bertanding. Tetapi apabila kalah, mengaku kalah. Jangan apabila bertanding sudah kalahpun hendak mengaku menang, mana ada dunia sudah kalah bertandingpun mengaku hendak menang. Ini saya hendak beritahu, tetapi kepada pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas dengan baik, mempunyai hati perut untuk rnenolong rakyat dan meninggikan nama Kerajaan di samping menjadi pegawai saya hormat - angkat topi.

Tetapi kalau ada pegawai Kerajaan yang siang duduk di pejabat, bercerminkan orang Kerajaan Barisan Nasional, malam dia ikut parti PAS pergi membuat ceramah, dia ikut DAP buat ceramah, orang ini saya anggap pengkhianat pada bangsa dan negaranya. Kalau saya jumpa orang macam **ini**, saya tiada tolak-ansur lagi.

Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi yang ada di dalam Dewan ini, pegawai-pegawai Kerajaan semuanya pegawai-pegawai yang baik-baik belaka **[Ketawa]**. Kalau yang beragama Islam ini ahli Syurga - ini semua ahli Syurga **[Ketawa]** kalau tidak betul saya perlu cakap, sebab orang parti dengan pegawai Kerajaan sepatutnya bekerjasama. Apabila kita dapat bekerjasama, kita dapat melatakkkan negara kita begitu tinggi, begitu dihormati oleh mata dunia, tetapi kalau ada pegawai Kerajaan sabotaj pentadbiran, di mana Menteri memanggil tolong buat ini, dia angguk depan Menteri, balik diapun buat tidak tahu, ini adalah pengkhianat. Jadi saya harap supaya tidak ada berlaku jenis-jenis pegawai yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin hendak menyentuh Maksud B.17 - Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian Belia dan Sukan mempunyai rancangan yang baik-baik untuk masa depan belia-belia dan mereka ini akan menjadi pelapis kepada pimpinan yang ada sekarang, dan mereka inilah yang akan mengambilalih tempat kita

semua **ini**. Pada adat kita ini sudah dewasa, saya tidak hendak sebut perkataan 'tua', kerana ada orang marah menggunakan perkataan 'tua', sudah dewasa, sudah berumur, maka yang mudahlah yang akan mengambilalih. Dan rancangan-rancangan Kementerian ini semuanya baik-baik belaka, dan kalau perlu pada Mentari kewangan memikirkan patut ditambah untuk memajukan Kompleks Sukan Antarabangsa dan berbagai-bagai jenis latihan untuk meninggikan taraf belia supaya pada Wawasan 2020, belia-belia ini akan menjadi jenerasi dan juga menjadi masyarakat kepada negara Malaysia yang berguna kepada bangsa dan negara ini.

Kamentarian Pertanian saya tidak mahu sentuh kerana saya berpuas hati di atas peruntukan yang diberi sebanyak \$890,229,000 di mana Kementerian ini mempunyai seorang Mentari yang mempunyai banyak idea, sahabat kepada Menteri Kawangan kita sendiri dan satu daripada ideanya Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam, di mana pelancong luar negeri datang melawat Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam, dia memuji, dia boleh lihat satu perkampungan di mana ada ditunjukkan cara menanam padi bermusim, padi yang baru ditanam, baru disemai, apa benih yang baru disemai, padi yang baru ditanam, padi yang sudah hendak masak dan padi yang sudah masak. Begitu juga tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan tempatan kita yang ditanam di dalam kawasan itu. Ini adalah satu idea yang paling baik.

Pada masa dahulu mula-mula Menteri Pertanian apabila menyebut benda ini orang semua ingat ini semua cerita kartun, tetapi hari ini ternyata. Jadi pada hari ini pula kita nampak peruntukan diberikan oleh Menteri Kewangan begitu banyak kepada Kementerian Pertanian. Ini menunjukkan memang ada kerjasama di antara Kementerian Kewangan dengan Kementerian Pertanian. Jangan siapa-siapa hendak pertikaikan, kedua-dua ini sahabat saya semua, saya cakap terus-teranglah dalam Dewan **ini**. Ini bukan saya hendak mengampuni, kalau mengampupun elau kita sudah siap, esok kita bahas sama-sama. Itu sahaja.

Selain daripada itu, saya hendak sentuh masalah Kastam Di-Raja. Baru-baru ini saya melawat di Korea, ada sebuah syarikat yang mempunyai faktori di sini, iaitu Syarikat Samsung namanya, letaknya di Seremban. Dia minta, agar cukai yang dikenakan kepada syarikatnya sebagai pelabur luar yang mempunyai faktori di sini, supaya kalau dia hendak mencari untung balik, menjualkan segala barang yang telah dibuat daripada faktornya itu hanya untuk di. sekitar di dalam negara kita sahaja, sudah pasti dia tidak dapat mengambil kembali untuk modalnya. Jadi dia terpaksa menghantar barang-barangnya ke luar negara untuk dijual, sedangkan bila dia hendak hantar ke luar negara, maka barang-barang yang daripada negeri Jepun kita beri dengan kemudahan untuk raasuk dalam negara kita tanpa cukai. Jadi persaingan hebat kepada syarikat ini,

di antaranya dengan syarikat yang boleh mengeluarkan barang yang sama di dalam negara kita. Jadi dia minta agar kalau boleh bila rombongan ini datang, saya minta supaya dapat saya bawa berjumpa dengan Menteri Kewangan sendiri, biarlah Menteri Kewangan sendiri dapat menjelaskan kedudukan yang sebenar supaya dia ini dapat sama ada diberikan kelonggaran ataupun sekurang-kurangnya apa sahaja yang dipohon dapat kita beri layanan. Saya harap, saya bersama dengan Tuan Yang di-Pertua sendiri akan membawa rombongan ini berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri apabila orang ini datang hendak menemui Yang Berhormat Menteri, kerana saya terpaksa memberikan hormat balas kepada mereka ini. Sebab apabila kami berada di Korea dahulu, mereka begitu memberi sanjungan tinggi kepada kami. Jadi, apabila mereka datang ke sini, kami terpaksa memberikan hormat balas balik. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri tidak berkeberatan untuk menerima lawatan kami bersama-sama dengan pihak Korea yang akan datang nanti.

Saya juga ingin hendak menyentuh masalah Kementerian Perusahaan Awam. Kalau membahaskan Belanjawan pada dua tahun yang lalu saya telah memecah rekod dalam Dewan ini, saya bercakap 4 jam 25 minit, boleh buka dalam sejarah sepanjang Parlimen, sayalah orang yang paling lama berucap, tetapi pada hari ini saya hendak beri banyak peluang kepada sahabat-sahabat lain sama-sama turut barbahas.

Di dalam Kementerian Perusahaan Awam, saya dapati teks-teksi yang dikeluarkan oleh Kementerian banyak menindas kepada drebar-drebar teks.

Saya mencadangkan kalau boleh Kementerian Perusahaan Awam sendiri melantik satu Jawatankuasa pergi melihat keadaan bagaimana kenderaan teksi di Singapura diletakkan di bawah satu badan agensi Kerajaan, dan telah memberikan keselesaan kepada pemandu-pemandu di dalam menjalankan tugas sebagai pemandu, tidak berlaku semacammna di Malaysia ini. Kadangkala syarikat teksi yang dipunyai oleh orang yang kaya-kaya, sedangkan. cara dia hendak mencari duit; balik dia menindas orang susah, terpaksa membayar deposit sebanyak \$3,000 lebih. Saya difahamkan ada yang mambayar \$2,000 lebih, kamudian sewa harian \$40 sehari, dan dijanjikan di dalam masa 6 tahun habis, boleh ambil teksi itu, tetapi permit tidak ada, kereta sahaja. Apa halnya sudah enam tahun kereta sudah buruk, sudah bolah hantar ke kilang guni hendak beri kepada drebar ini.

Ini apa punya dasar? Ini dasar penipuan! Jadi, sia-sia kita sebagai Kerajaan kalau tidak mengambil perhatian dalam perkara ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil tindakan dalam perkara ini supaya mencari jalan kita mengatasi masalah penindasan kepada drebar-drebar teksi. Dan, pernah berlaku drebar teksi mengadakan tunjuk perasaan. Itu menunjukkan memang perkara ini benar. Jangan sampai satu ketika tunjuk perasaan yang telah ditunjukkan oleh drebar teksi lebih teruk daripada apa yang kita - lihat pada masa-masa yang lalu. Jadi, saya mintalah Kementerian ini dapat mengambil pandangan yang baik.

Selain daripada **itu**, saya juga hendak menyentuh masalah Kontraktor Kelas F. Saya dengar Kontraktor Kelas F hendak dapat taraf Pesakabumi kena masuk deposit \$5,000. Apa hal ini? Orang yang berada dalam Kelas F sudah tentulah orang susah. Mana cara dia hendak cari duit \$5,000. Hendak pergi merompak, hendak pergi menyamun? Kenapa syarat ini mesti dikenakan? Apa salahnya diberi peluang sahaja dahulu untuk percubaan? Kalau mereka berjaya, kita teruskan mereka mendapat Kelas F. Kalau mereka tidak berjaya, baru kita kenakan syarat-syarat **ini**. Ini belum -apa-apa sudah hendak letak deposit \$5,000. Ini satu penindasan, ini bukan cara hendak menolong rakyat. Dan, kita kena faham rakyat kita bukan semua orang kaya. Ada yang kaya, kaya betul, ada yang susah, susah betul. Kita kena faham **itu**, kita kena akui kenyataan **ini**. Macam dalam Dewan, ada Yang Berhormat yang kaya macam Yang Berhormat Wan Hamid Edruce, dia orang kaya.

Macam kita punya Tuan Yang di-Pertua. Bukan semuanya kaya. Begitu juga dalam Menteri-menteri, bukan semua Menteri kaya. Kalau dalam taraf Menteri-menteri, kalau sebut Menteri - siapa Menteri jaga duit tentu orang ingat dia kayalah. Tetapi dia tidak kaya. Saya rasa kalau dia dengan saya, barangkali saya lebih kaya sedikit. [Ketawa] Jadi, saya harap perkara ini dapat ambil perhatian. Bubarkan Kelas F ini untuk meletakkan \$5,000 deposit. Apa hendak deposit? Beri percubaan dahulu. Dan lagi satu kerja-kerja yang diberi tender. Saya difahamkan kerja tender Kelas F ini pada kerja undi mingguan ini hanya Kementerian Pertahanan sahaja yang menyerahkan kerjanya di JKR. Yang lain semua Kementerian buat sendiri. Ini apa hal. Kita sudah mempunyai peraturan, serah sahajalah pada JKR, kerana kita tahu tiap-tiap minggu beratus ribu kontraktor Kelas F menunggu hendak dapat kerja cabut undi. Kalau hanya 10 kerja sahaja yang menunggu seribu orang, apa punya cerita. Kenapa Kementerian lain mesti mengambilalih tugas ini, dan kenapa tidak beri pada JKR? Saya harap perkara ini juga dapat diambil perhatian. Semua Kementerian yang kerja di bawah Kelas F ini yang perlu cara mendapat kerja ini melalui undi tiap-tiap minggu serahkan semua ini kepada JKR., biar dia menguruskan, baru rakyat puas hati tidak ada pilih kasih dan tidak ada under-the-table dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh sedikit masalah Maksud B.36 yang kita peruntukkan kepada Polis DiRaja Malaysia sejumlah \$1,396,623,800. Ini satu jumlah yang besar untuk pengurusan. Dan sebelum saya menyentuh serba-sedikit

masalah Polis DiRaja Malaysia, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pasukan Polis. Saya mengakui Pasukan Polis kita adalah salah satu Pasukan Polis yang terbaik dalam dunia buat masa sekarang. Saya harap apa yang saya sebut tadi supaya dipertahankan, kecergasan, ketegasan, disiplin, tugas dan tanggungjawab bagaimana menyiasat buat tangkapan dan sebagainya. Maka itu sebabnya baru-baru ini ada yang lari daripada penjara, orang kata tidak akan dapat tangkap. Saya kata kalau Polis Malaysia, gerenti dapat tangkap, lebih-lebih lama seminggu. Tidak sampai seminggu cuma seorang sahaja sampai sekarang pun belum dapat tahu di mana dia lesap, dan saya percaya dia akan dapat ditangkap. Cuma kalau ada yang bertanggungjawab masalah apa yang saya sebutkan ini, saya hendak tahu yang seorang ini mana pergi, dia menyorok dekat mana. Saya takut dia pergi bertapa lama, besok dia jadi tok bomoh besar. Kalau dia masuk dalam UMNO tidak mengapa, kalau dia masuk dalam PAS, teruk kita semua kena tipu nanti. Jadi, inilah hendaklah dipastikan.

Selain daripada itu, kes Memali. Saya mintalah kepada Pasukan Polis, setelah saya beri pujian tadi Polis yang terbaik, anggota Pasukan Polis Keselamatan terbaik dalam dunia, bila sampai peristiwa di Memali, bila mendapat arahan suruh pergi tangkap apabila nampak orang PAS beramai-ramai berkelompok di mesjid dan sebagainya tangkap, jangan peduli sama dia. Walaupun sampai dia asyik menyebut-nyebut nama Tuhan, tangkap, kerana dia menyebut bukan secara ikhlas, berpura-pura. Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, orang PAS, mereka cerdik. Mula-mula dia kumpul orang dalam mesjid, dia letak pembesar suara mereka sebut fasal

ceramah agama, mereka tengok apabila Polis tidak ada kiri kanan, mereka pun tukar daripada ceramah kepada ceramah maki-hamun Kerajaan, maki hamun kita, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai Kerajaan pun dimakinya, saya hendak beritahu. Dan bila nampak Polis datang, mereka pun tukar balik, mereka mulalah beratib **La-ilaaha-illallah**, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jawabnya tidak betul, hipokrit dan mereka mengadakan peringatan Hari Memali untuk apa? Untuk apa, saya hendak tanya kepada yang berkenaan, sedangkan Polis juga berlaku peristiwa 4 orang terbunuh, terkorban pada peristiwa Memali. Polis tidak mengadakan hari ulang kematian kepada Pasukan Polis. Tetapi kenapa PAS buat. Oh! syahid, sedangkan Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penganjur Islam beberapa banyak peristiwa perang syahid beliau tidak pernah suruh supaya umatnya mengingat peristiwa perang syahid. Kenapa Memali, parti PAS buat lagi? Sudah tentu salah, sudah begitu banyak fatwa keluar mengatakan itu adalah haram, tetapi masih juga mereka mengadakan peringatan Memali. Saya harap Pasukan Polis tegas di dalam menjalankan tugas untuk memastikan supaya peristiwa peringatan Memali ini tidak berlaku pada tahun hadapan, kerana ini akan mengelabui dan menyesat pemikiran rakyat dan boleh dianggap memesong aqidah orang-orang Islam kita. Janganlah percaya pemimpin-pemimpin PAS **ini**. Itu fasallah bila saya bercakap **ini**, lari seorang keluar,

Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua hendak tahu, Yang Berhormat Tuan Tamrin., pengerusi MARA sudah mengadakan satu perjumpaan untuk memberi peluang kepada parti PAS datang melawat di MARA untuk menerangkan cerita MARA. Siapa datang daripada PAS, Timbalan

Presiden, Wakil Rakyat dari Marang, Ustaz Haji Abdul Hadi dengan orang-orangnya, termasuklah Ketua Pemudanya. Selepas sahaja taklimat, ada jamu makan lauk ayam, lauk daging. Saya difahamkan Haji Hadi punya suap besar-besar penumbuk masuk dalam mulutnya, lauk ayam. **[Ketawa]** Dia tidak tanya itu ayam siapa sembelih, lembu siapa sembelih, tetapi bila dia berucap di Terengganu, di Kelantan bila orang beri makan dia lauk ayam, dia hendak tahu ini orang UMNO sembelihkah, orang PAS sembelih? Bukankah ini hipokrit. Bukankah dia menipu rakyat, betul-betul kerana mencari kepentingan peribadinya, bila sampai pada dirinya, pada orang-orangnya halal, semua halal.

Bila kena kepada rakyat, dia berucap haram. Betulkah ini? Dan saya mintalah kerajaan tentukan kalau sudah kita fikirkan parti ini boleh merosakkan pemikiran rakyat, boleh menipu rakyat, saya minta kerajaan tegas dan tentukan supaya parti ini tidak menggunakan nama PAS, tidak menggunakan nama agama, nama Islam dan sebagainya. Tukar sahaja nama, kalau dia mahu lagi parti dia cerus hidup dalam negara kita, dia kena tukar nama parti **ini**. Jangan sebut nama parti PAS. Kalau-dia sebut nama parti PAS, dia telah menipu rakyat di dalam negara dan juga di luar negara. Itu sebabnya bila ada pembesar luar negara daripada kalangan orang Islam, mudah sangat orang PAS dapat derma daripada negara orang Islam sebab dia ingat inilah kononnya Parti Islam, sebab namanya PAS - Parti Islam. Dia sudah menipu, bukan sahaja menipu orang luar sahaja, menipu rakyat jelata termasuk kita semua. Saya harap, kena bertindaklah dalam perkara **ini**.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh masalah Maksud **B.37** Jabatan Imigresen. Jabatan Imigresen kita peruntukkan \$67,407,800. Dan saya dapati Jabatan Imigresen sakarang mempunyai tugas yang berat dan saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen kerana telah menjalankan tugas yang baik. Tetapi Kerajaan harus berfikir apabila mereka telah menunjukkan kerja yang begitu

baik, yang begitu memuaskan kepada rakyat, memberi layanan kepada rakyat jalata. Tetapi pada mereka yang di Kuala Lumpur, mereka tidak diadakan kuarters. Kenapa? Saya ingin tahu daripada Menteri Kewangan sendiri. Kenapa Kerajaan tidak langsung bercita-cita, tidak langsung bercadang untuk mengadakan bangunan kuarters, tempat tinggal khas untuk Pegawai-pegawai Imigresen sahaja, supaya memudahkan kalau kita perlukan pegawai **ini**, senang kita boleh tuju ke rumahnya, daripada ia menyewa di sana-sini bertaburan di dalam Kuala Lumpur. Saya harap ini juga mendapat pandangan daripada pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Jabatan Pendaftar Pertubuhan yang telah diperuntukkan \$3,333,000. Jabatan Pendaftar Pertubuhan ini mengambil tahu masalah semua pertubuhan-pertubuhan mahupun pertubuhan politik, sosial dan sebagainya di bawah jagaan jabatan ini. Selain daripada perkara yang saya sentuh Parti PAS tadi, saya juga ingin tahu daripada Jabatan Pendaftar Pertubuhan, laporan tahunan yang dihantar oleh semua pertubuhan-pertubuhan ini yang mana sepatutnya mesti dihantar kepada jabatan ini untuk semakan sama ada laporan ini betul-betul mengikut peraturan ataupun pakai bubuh sahaja. Termasuklah pertubuhan Bar Council. Saya, bukanlah hendak menyentuh sangat pasal Bar Council ini, kerana kita mempunyai satu rang Undang-undang yang akan datang dalam pindaan Rang Undaag-undang Profesion Undang-undang. Tetapi sedikit sebanyak saya hendak bercakap perkara

ini kerana ia ada kaitan dengan pertubuhan, badan pertubuhan. Kerana kita dapati Bar Council iui sudah keterlaluan dari segi tindak-tanduknya. Seolah-olah dia sudah ingin hendak mengambilalih tampuk pemerintahan politik. Kalau iapun dia orang politik, tapi dia bukan orang politik. Dia macam lalang, mengikut keadaan di mana angin bertiup dan buat masa ini kita tahu dia menjadi kuda tunggangan kepada DAP, kepada pembangkang. Apa mahu cakap, dalam negara tunjuk eksyen, aku peguam, pergi luar negara tak laku jual kacang putih. Saya nak beritahu lawyer-lawyer ini, tapi bukan semua peguam. Ini ramai peguam di sini, saya minta maaf, bukan semua peguam. Ini yang masuk Bar Council, jual kacang putih, jual bubur kacang di luar negeri, datang dalam negara Malaysia eksyen. Ada yaag separuh itu tak mahir cakap Melayu, tak mahu lagi cakap Melayu, kalau cakap Melayu pun dah pelat-pelat konon baru balik dari negeri Orang Putih. Kalau dia hendak bercakap lembu, tak lembu lagi, "lembu". Apa ini? **[Ketawa]** Kenapa mudah sangat lupa daratan. Mudah sangat lupakan negara kita, mudah sangat bertukar sikap. Dan saya minta badan Pendaftar Pertubuhan ini mengambil perhatian di dalam laporan tahunan pendaftaran ini. Supaya dia jangan ingat dia Bar Council, dialah orang yang mengamal undang-undang dia boleh temberang kepada siapa sahaja. Ini saya nak beritahu. Kepada Bar Council, siapa lebih tinggi kedudukannya? Awak Bar Council pengamal undang-undangkah atau kami yang membuat undang-undang ini? Saya tidak pergi belajar tinggi-tinggi. Tapi semua universiti dalam Malaysia ini semua saya masuk. Tapi masuk pergi melawatlah, ini saya nak beritahu pada Ahli-ahli Dewan. **[Ketawa]**

Sebab saya dah beritahu pada Bar Council, kalau dia boleh cakap undang-undang, sayapun boleh cakap undang-undang. Saya pembuat undang-undang, dia pengamal undang-undang. Sudah saya buat undang-undang ini baru dia pergi amal. Dia hendak loyar buruk apa? Jadi saya mintalah kepada Bar Council, peguam-peguam ini hormatlah. Kalau di England, Amerika Syarikat dia hendak samakan dengan Malaysia. Di England dan Amerika peguam-peguam ini dia tak campur hal politik. Dia jaga perniagaannya sahaja. Dan saya minta kita juga di dalam pindaan, kalau saya terlupa tuan-tuan tolong ingatkan. Kita cuba pisahkan di mana sekarang kita mempunyai peguambela, peguamcara, semua boleh sapu. Kalau kita hendak benda ini berjalan betul, supaya dia hormat kepada kerajaan, kita kena asingkan. Peguambela jaga tugas sebagai peguambela sahaja. Peguamcara kau peguamcara sahaja. Sekarang semuanya dia sapu, itu yaag membuatkan dia boleh bertindak apa sahaja. Jadi saya harap badan Pendaftar Pertubuhan ini supaya dapat mengambil perhatian dalam perkara yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh masalah Kementerian Penerangan. Saya mengucapkan kepada Menterinya Yang Berhormat Dato' Mohamed Rahmat dan Timbalan Menterinya dan Setiausaha Parlimen daa semua pegawai yang bertanggungjawab di dalam mengendalikan penerangan terhadap negara kita kepada rakyat dan ada perkara-perkara yang harus diubahsuai atau dibuat perubahan supaya ianya mempunyai suatu keistimewaan di mana rakyat tidak akan mempertikaikanlagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengakui dan tahniah kepada Kementerian khususnya kepada Yang Berhormat Menteri di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian itu hendak membaiki lagi prestasi penerangan dan penyiaran di tahun-tahun yang lalu. Saya fikir, sedikit sebanyak Kementerian penerangan telah dapat membawa beberapa perubahan, tetapi beberapa perubahan lagi perlu dilakukan untuk memastikan peranan Kementerian Penerangan semakin berkesan. Terutamanya semasa kita menghadapi cabaran-cabaran bagi menjayakan matlamat Wawasan 2020. Sambil menyokong Rang Undang-undang Perbekalan khususnya bagi Kementerian Penerangan, saya ingin menyampaikan beberapa pandangan di dalam Dewan yang mulia ini, terutama sekali dalam hal-hal yang saya anggap masih lemah dan perlu perhatian pihak berwajib.

Peranan media-filem dan pusat video. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak perlu lagi ditekankan hakikat pentingnya media filem dan video digunakan sepenuhnya dan secara cergas serta berkesan dalam menjayakan proses pembudayaan bangsa. Media ini amatlah penting bagi mencapai matlamat dasar pembangunan baru dalam tempoh Rancangan Jangka Panjang Kedua atau RRJP2 yang menyentuh pembangunan masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangsa dan cintakan negara.

Kita semua tahu bahawa sejarah telah membuktikan bangsa-bangsa besar yang dikatakan maju seperti negara-negara Barat telah berjaya menggunakan media-filem sebagai alat yang telah banyak merubah cara hidup kita hari ini. Hari ini boleh dikatakan kehidupan kita sehari-hari adalah bersandar kepada gaya hidup penjajah, malah di kampung-kampung juga kita dapat melihat betapa pengaruh nilai-nilai sosial Barat telah dapat diresapi dan menjadi amalan orang-orang kampung. Sebahagian besar anak-anak muda kita hari ini dengan mudah menggayakan cara hidup yang ditiupkan dari dunia Barat. Cara pakaian kita, cara kita mengamalkan etika kerja, sistem pendidikan kita, cara kita berfikir malahan cara kita berhibur juga bersandarkan ukuran Barat.

Kita tidak perlu menganalisa cara mendalam tentang hakikat ini. Lihat sahaja mana-mana tempat hiburan atau contohi sahaja filem-filem di TV dan di pawagam-pawagam serta tayangan-tayangan video di karaoke lounge, pawagam-pawagam mini, nite-club dan lain-lain boleh dikatakan samuanya meniru gaya artis-artis Barat. Tarian-tarian tradisional dan lagu-lagu tradisional Malaysia telah ditenggalamkan oleh tarian-tarian yang dikatakan rancak dan segar. Keayuan Timur dan keaslian Melayu semakin lama semakin pupus. Filem-filem buatan tempatan pun semacam dimestikan ada babak nite-club ataupun adegan-adegan yang menyelitkan unsur-unsur ghairah, kalau tidak filem itu tidak laku. Kalau di TV, filem-filem

tanpa adegan-adegan yang saya katakan tadi tidak akan menarik perhatian para perwakilan. Kalau di panggung-panggung wayang, filem-filem tanpa adegan-adegan seperti yang saya katakan tadi sukar menarik penonton, begitu jugalah halnya dengan adegan-adegan action seperti adegan-adegan kungfu, bermain senjata, bermain penumbuk, pisau dan senjata-senjata yang mengerikan. Inilah yang dikatakan filem-filem yang menarik dan mendapat perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

Jika keadaan sekarang dibiarkan dan tidak ditangkis, dibentengi dengan penonjolan unsur-unsur Malaysia yang kita ingini, saya khawatir negara maju yang kita impikan dalam tahun 2020 akan menjadi satu duplikasi atau tiruan nilai-nilai Barat dan asing yang raerosakkan. Oleh yang demrkian, saya ingin meminta Kementerian Penerangan supaya memberikan perhatian yang serius terhadap perkembangan-perkembangan ini. Kita mestilah memastikan kalau perlu secara undang-undang bahawa unsur-unsur nilai luar yang sedang menyerang pemikiran anak-anak muda kita sekarang ditangkis cara berkesan dan di samping itu memberikan sepenuh galakan kepada perkembangan nilai-nilai kreatif Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari perangkaan-perangkaan yang kita baca dan dari beberapa jawapan dari Kementerian Penerangan, kita dapati sangat banyak pengimportan filem-filem dan video dari luar negeri. Pengimportan tidak kurang dari 700 judul filem dan video setahun untuk TV dan pawagam-pawagam serta pusat-pusac video **itu**, amatlah membimbangkan saya, menyedari bahawa usaha-usaha sedang dijalankan untuk membanyakkan penerbitan-penerbitan filem dan drama tempatan. Tetapi apakah cukup dengan seruan dan gesaan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu dihuraikan setiap masalah dan kalau mahu diberikan andaian serta contoh-contoh penyebaran nilai-nilai budaya yang saya katakan asing itu, sudah tentu akan memakan masa yang lama. Sebahagian besar Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada di Dewan Rakyat mahupun di Dewan yang mulia ini menyedari hakikat ini. Saya cuma ingin menyentuh aspek perfileman, video dan industri muzik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, meneliti peruntukan bagi Kementerian Penerangan, saya dapati amat sedikit perhatian diberikan kepada industri-industri tersebut. Sangat sedikit perhatian diberikan kepada perkembangan intelek dan kreativiti dalam sektor perfileman, video dan muzik. Saya bukan bertujuan hendak menafikan bahawa Kerajaan telah menubuhkan FINAS atau Perbadanan Kemajuan Filem Nasional dalam usaha memajukan industri perfileman dan video tetapi adakah agensi itu memadai ditubuhkan sahaja, kemudian dibiarkan sahaja tanpa memberikan tenaga dan kewangan kepadanya? Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Perbadanan itu menerima peruntukan sebanyak \$5 juta sahaja, itupun \$4 juta ialah untuk pembelian alat-alat bagi pusat post-produksi filem dan videonya yang baru, \$500,000 untuk meneruskan kerja-kerja binaan pusat tersebut dan \$500,000 lagi untuk pembelian alat-alat tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak adanya peruntukan bagi latihan ataupun bagi bantuan-bantuan untuk para karyawan dan usahawan perfileman. Adakah mereka yang digulungkan sebagai tenaga kreatif ini dibiarkan begitu sahaja dan hanya menerima seruan-seruan dan gesaan-gesaan sahaja supaya lebih kreatif dan lebih produktif?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan yang mulia **ini**, saya merasa bertanggungjawab juga terhadap nasib para karyawan, usahawan dan golongan kreatif perfileman **ini**. Oleh yang demikian, saya meminta secara peribadi, diadakan pertemuan dengan pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional atau FINAS tidak lama dahulu. Mendengar taklimat dan penjelasan dari Ketua Eksekutif Perbadanan **itu**, Dato' Zain Haji Hamzah dan pegawai-pegawainya, saya merasa amat kasihan dan amat simpati terhadap keadaan yang wujud. Saya dapati FINAS sekarang adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Penerangan yang amat cergas bergerak, pandangan jauh para anggota pentadbirannya serta usaha yang bertungkus-lumus dijalankannya dalam masa yang amat singkat dan mendesak mengagumkan saya. Kompleks Studio Merdeka yang indah dan menarik yang telah dapat dibangunkan dalam tempoh kurang dua tahun dahulu adalah satu rekod di manakah FINAS dapat wang untuk membangunkan Kompleks **itu**. Saya dapati sumbernya ialah dari outright grant yang diterimanya secara berperingkat-peringkat.

Pada ketika Perbadanan itu ditubuhkan dalam tahun 1981 dahulu iaitu sebanyak \$17 juta dari peruntukan itulah agensi itu dapat menggembeling sumber-sumber lain seperti dari sewa alat, melesen syarikat-syarikat perfileman, pusat-pusat video dan pulangan dari simpanan tetap. Ini bererti 317 juta bagi 10 tahun, hari ini dengan usaha gigih Perbadanan ini, kita sudah ada pusat perfileman di Studio Merdeka, Ulu Klang. Ada kursus dan bengkel-bengkal perfileman, diberi bantuan membuat filem-filem cereka untuk pawagam dan drama swasta untuk TV dan juga bantuan-bantuan insentif, pusat-pusat produksinya yang dirasmikan semasa perasmian kompleks Studio Merdeka oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11b Jun yang lalu membanggakan saya apatah lagi oleh orang-orang kreatif perfileman.

Bagaimana dan dari mana pula kos pengurusan atau operating cost yang diperolehinya? Saya dapati pihak pengurusan agensi itu telah bergerak pada masa Belanjawan sebanyak kira-kira \$4.1 juta dalam tahun ini, dari pendapatan sebanyak kira-kira \$3.2 juta. Ini bererti agensi itu mengalami defisit. Saya juga diberitahu bagi tahun 1992, agensi itu bergerak berasaskan Belanjawan sebanyak \$5.2 juta dengan anggaran pendapatan sebanyak kira-kira \$4.5 juta. Khabarnya dari pendapatan lesan; sewa alat dan pelaburan dalam simpanan tetap itulah juga diperuntukkan bagi bantuan kepada para pengusaha dan karyawan dalam bentuk pinjaman dan dipanggil Skim Kemudahan Produksi (SKP), dengan syarat-syarat longgar. Bantuan insentif dan bantuan latihan bagi orang-orang industri ini dan paling diminati ramai mengadakan pesta-pesta filem tempatan serta minggu-minggu filem Malaysia di seberanglaut. FINAS nampaknya merupakan sebuah agensi yang berdikari dalam erti kata sebenarnya. Bagaimanakah agensi itu hendak membantu penyelarasan cita-cita Wawasan 2020 untuk membantu, membangun sebuah masyarakat yang progresif, masyarakat yang mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif secara berkesan?

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah perbadanan itu boleh rneng-gembeling kekuatan kreatif media perfileman untuk membantu kebudayaan bangsa, iaitu satu aspek yang amat penting sebagai teras pembangunan bangsa dan negara dalam dekad 1990an? Saya percaya Yang Berhormat Menteri Penerangan menyedari hal ini, hendaknya janganlah perhatian khusus ditumpukan kepada aspek penyiaran dan penerangan bersemuka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, filem harus kita gunakan untuk mengenalkan Malaysia, masyarakat dan budaya kepada negara Luar dan untuk itu, kita rnestilah ada filem-filern yang menarik perhatian dunia, untuk menerbitkan filem-filem yang bermutu dan mendapat taraf antara-bangsa. Kita mesti mempunyai para karyawan yang cukup profesional, mahir dan paling kreatif. Kalau industri perfileman dibiarkan sahaja pada tahap sekarang masyarakat akan terus bersungut tentang kualiti, tentang kelemahan kita menggunakan media filem dan video.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat bagaimana negara lain mnggunakan media filem. Lihat sahaja Amerika Syarikat yang semacam telah menakluk pemikiran kita. Lihat negara-negara Eropah, lihat Britain, lihat India, lihat Jepun, lihat Australia dan negara-negara lain. Semacam cuba menjajah pemikiran generasi muda di mana pengaruh mereka boleh dan mudah ditanamkan.

Tuan Yang di-Pertua, tempat-tempat hiburan dalam pusat-pusat yang mudah digunakan untuk meresapkan pengaruh secara halus. Industri muzik misainya, memainkan peranan yang sangat penting ke arah ini. Pawagam-pawagam di negara ini menampung penonton-penonton yang dapat menghayati persembahan secara amat berkesan program lain dari TV. Penonton-penontonnya walaupun sedikit boleh menumpukan perhatian yang khusus berbanding dengan penonton persembahan di TV. Oleh itu, janganlah kita lupa kepada peranan industri, muzik dan pawagam **ini**. Pada pemikiran saya, setelah mengikuti berita-berita jiran kita, Singapura sedang giat menjadikan institusi hiburan dan media perfileman serta video bukan sahaja demi kepentingan ekonomi tetapi juga kepada kepentingan kebudayaan dan mengenalkan negara itu di seberang laut.

Tuan Yang di-pertua, di samping mengucapkan syabas kepada Kementerian Penerangan dan tahniah kepada para Perbadanan Kemajuan Filem Nasional di atas segala usaha baik yang telah dijalankannya, walaupun kita tahu FINAS itu semacam terpaksa mengalami batasan-batasan kewangan, saya ingin meminta pihak Kementerian Penerangan dan Perbendaharaan supaya sekurang-kurangnya menimbangkan peruntakan tahunaa kepada Perbadanan itu bagi membiayai kos pengurusan, latihan dan bantuan kepada para pengusaha dan karyawan filem dan video. Dengan cara **ini**, saya percaya FINAS dapat menambahkan lagi bantuan kepada para perusahaan menggerakkan cara lebih lancar program latihan untuk orang-orang kreatif perfileman. Dengan perhatian sedemikian, kita harap Perbadanan itu akan lebih gigih dan lebih bertenaga untuk memberi sumbangan ke arah pencapaian cita-cita 2020.

Tuan Yang di-Pertua, para seniman dan golongan kreatif **per-**fileman adalah umpama "bunga yang tak terjamah oleh tangan" yang bukan seniman, bukan hidup dan mati sebagai seniman. Orang yang mendatangkan bencana besar kepada bangsanya ialah orang yang tidak pernah mahu menyuburkan bumi, menyebarkan benih, menyusun batu-bata atau menenun kain, tetapi semata-mata menjadikan manusia sendiri sebagai alat mata pencarian dan kepentingan dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap masalah FINAS tadi, bukan saya ada apa-apa dengan FINAS tetapi perkara yang saya sebutkan tadi adalah berdasarkan kepada apa yang saya difahamkaa bahawa perlu Kementerian Penerangan sendiri mengambil berat kepada FINAS supaya apa yang saya sebutkan tadi ianya akan dapat dilaksanakan dan sabagaiaya.

Salain daripada itu, saya juga mengharapkan Kementerian Penerangan mengadakan satu program di mana Ahli Dewan Negara telah menyuarakan masalah Kumpulan Arqam di dalam cuba menyesakkan akidah-akidah orang Islam kita dalam negara kita. Dan sejauhmana program Kementerian Penerangan telah ada untuk memberi gambaran kepada orang ramai di mana pengikut ataupun sebahagian pengasas pertubuhan Arqam ini telah kembali ke pangkal jalan setelah mereka tahu dan menyedari bahawa selama ini mereka telah berada di dalam Arqam yang sesat. Jadi, sekurang-kurangnya dengan adanya program ini akan dapat rakyat seluruhnya menonton dan ini akan memberikan guideline kepada mereka yang ingin menjadi ahli Arqam supaya dia tidak akan menjadi ahlinya.

Selain daripada **itu**, Tuan Yang di-Pertua, hari ini tinggal seorang sahaja pemberita, di mana yang lain pemberita sudah balik. Saya hendak mencadangkan pemberita ini diberikan dia minuman free pada tiap-tiap kali Dewan bersidang supaya dia boleh membuat liputan yang baik terhadap perkembangan dalam Dewan Negara dan dalam Dewan Rakyat. Barangkali kita ini langsung tidak ambil tahu atas welfare-nya. Sebab itu dia tidak peduli langsung dengan kita. Tengok paling malangnya Ahli Dewan Negara. Nasib baiklah, ketika saya berucap masih ada seorang lagi pemberita. Barangkali saya duduk nanti langsung dia pun balik. Ahli Yang Berhormat yang lain langsung tidak dapat liputan besok pagi dalam suratkhobar. Kerana, tuan-tuan tidak langsung hendak berjuang kepada mereka sebagai pemberita. Saya pernah cakaplah pernberita-pemberita, mana yang tak baik. Yang baik kita hormat, yang boleh mengeluarkan liputan yang baik, yang tidak menabur fitnah. Kami hormat ! Tetapi yang mana kita cakap satu ayat, dia bantai 10 ayat, tabur dengan fitnah. Itu saya tidak boleh maafilah. Itu sebabnya saya pernah mendesak Kementerian Dalam Negeri kalau ada pemberita.....

Tuan C. Krishnan: [Bangun]

Tuan Adam bin Kadir: Ya, sila.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat katakan ahli-ahli dari press harus diberi minuman free tetapi pegawai-pegawai Kerajaan yang bertungkus-lumus berada di sini, beliau tidak nampakkah? Adakah cadangan supaya mereka pun diberikan minuman dan kuih-kuih dengan percuma?

Tuan Adam bin Kadir: Saya ingat Yang Berhormat Azman Atar sedang bercakap tentang Kementerian Penerangan. Bila sampai bab ini nanti, mesti diperjuangkan yang belakang itu - semestinya.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya pun memang sukalah Yang Berhormat minta penjelasan tadi. Oleh kerana saya sudah terlalu letih berdiri, sekurang-kurangnya saya dapat duduk dan minum air sekali lagi. [Ketawa] Dia pun tahu saya punya.....

Tuan Adam bin Kadir: Adakah pemberita itu macam bunga-bunga tadi juga?

Tuan Azman Atar bin Othman: Ya! Lebih kurang begitulah. Untuk penjelasan kepada Yang Berhormat, saya memang hendak bercakap. Jadi, oleh kerana benda ini di bawah tajuk Kementerian Penerangan, jadi saya sebut fasal pemberita dan wartawan dahulu. Walau macam manapun, akhir nanti bila saya hendak menutup ucapan saya, kalau boleh tiap-tiap kali Dewan bersidang, berilah minuman free - teh,

kuih kepada pegawai-pegawai yang bertugas. Apa salahnya? Berapa sangatlah belanjanya? Kalau tidak, bilnya boleh dihantar kepada Yang Berhormat Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali pun boleh bayar, saya pun boleh bayar. Berapalah sangat? Ini semua pegawai-pegawai baik, ini betul bercita-cita hendak menjayakan. Wawasan 2020. Jadi, saya mintalah kalau boleh Parlimen tolong ambil pandangan di atas cadangan saya ini.

Jadi, selain daripada itu, saya hendak menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini sepanjang yang saya tahu banyak tugas-tugasnya dijalankan dengan baik. Tetapi saya minta pihak yang berkenaan tolong ambil perhatian bahawa Jabatan Pengangkutan Wilayah Persekutuan, kurang sangat kakitangannya dan telah membuat orang ramai yang hendak mendapat lesen L ataupun membaharui lesen dan sebagainya terpaksa queue-up begitu panjang. Ini menunjukkan kurang tenaga, kurang kakitangan. Saya minta supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat menambahkan kakitangan. Saya akui di Jabatan Pengangkutan dan Jabatan Pendaftaran, kalau siapa jadi kerani atau pegawai di situ memang teruk. Kasihan, saya tengok, kadang-kadang naik lali tangannya. Kalau yang siisterinya bertugas, bila balik ke rumah dapat suami yang baik, tak apalah boleh dia tolong urut tangan yang sudah lenguh memegang pen. Tetapi jika suami yang langsung tidak endah, macam perangai

setengah pihak, saya cukup layanlah isteri saya. Itu pasal isteri saya sayang kepada saya. Jadi, saya mintalah supaya dapat mengambil perhatian.

Tuan Adam bin Kadir: Ada bukti kesayangan?

Tuan Azman Atar bin Othman: Oh ya! Ada bukti kesayangan. Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tahu.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak, saya tanya, ada buktikah?

Tuan Azman Atar bin Othman: Kalau saya hendak kata tidak ada bukti, nampak saya ini pembohong. Saya boleh bohong kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi saya tidak bohong dengan Tuhan. Jadi, saya kena mengakulah. Tetapi saya masih beri peluang kalau ada kawan-kawan hendak menjadi "ahli" termasuk Tuan Yang di-Pertua dan kawan-kawan yang lain. Tidak susah menjadi "ahli".

Tuan Adam bin Kadir: Ahli apa itu?

Tuan Azman Atar bin Othman; Ahli hendak menunjukkan kasih sayang kepada isteri, melayan. Eh! Dia ada ahlinya. Ada kursus, ada separuh itu tidak mempedulikan isteri, ada separuh sayangkan isteri. Dia mesti ada latihan, boleh kita duduk bersebang.

Tuan C. Krishnan: Maksud Yang Berhormat itu, ahli itu daripada kelabkah? Adakah satu-satu kelab yang menunjukkan macam mana kita boleh sayangkan isteri?

Tuan Adam bin Kadir: Saya ingat mula-mula 'ahli' itu dalam kepala dia bukan "ahli".....

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sudah tersasul tadi. **[Ketawa]** Sebenarnya hendak menjadi suami yang baik itu tidak perlu jadi ahli. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua ini hendak bertanya kepada saya pasal lebih daripada satu. **[Ketawa]** Sebab itu kalau lebih daripada satu, saya cakap perlu menjadi ahli. Tetapi walau macam manapun.....

Tuan Adam bin Kadir: Saya tidak kata, Yang Berhormat yang kata.

Tuan Azman Atar bin Othman: Saya pun tidak tuduh apa yang Tuan Yang di-Pertua tanya **itu**. Terima kasih.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya teruskan ucapan saya, Kementerian Pengangkutan - selain daripada saya mendesak supaya ditambahkan pegawai, saya minta supaya Menteri Pengangkutan menambahkan pegawai enforcement di dalam menentukan supaya tidak banyak berlaku accident di dalam Kuala Lumpur **ini**. Saya lihat pada malam minggu terlalu banyak perlumbaan motosikal dan kereta-kereta. Ini membuktikan kurangnya pegawai enforcement di dalam menghalang dan mengatasi masalah apa yang saya sebutkan tadi berlaku. Jadi, saya harap perkara ini dapat di atasi.

Dan akhir sekali, walaupun saya tidak sentuh kepada kementerian-kementerian lain, saya pun sudah bercakap tidak kurang satu jam lebih, saya hendak sentuh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di mana Kementerian ini mempunyai luas

tugas-tugasnya termasuklah menyatu-padukan rakyat, welfare dan sebagainya dan secara kebetulan Rukun Tetangga pun diletak di bawah Kementerian ini. Jadi, saya hendak tahu sama ada Menteri yang berkenaan tahu atau tidak tahu di atas tugas dan tanggungjawab Timbalan Menterinya sendiri yang telah begitu ghairah untuk menubuhkan Rukun Tetangga di dalam Wilayah Persekutuan ini. Apa perlu hendak menubuhkan Rukun Tetangga lagi di Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur ini! Kalau hendak tubuh pun, apa salahnya berunding dengan Ketua-ketua UMNO Bahagian, ketua-ketua parti atau ketua-ketua masyarakat! Apa yang saya lihat sekarang di atas inisiatifnya sendiri, dia telah menubuhkan Rukun Tetangga dan semua jawatan-jawatan yang berkenaan di dalam Rukun Tetangga itu, dia sendiri yang melantik, Saya ingin tahu sama ada tujuan dia hendak menubuhkan Rukun Tetangga ini untuk persediaannya menguatkan politiknya di masa depan atau dia betul-betul hendak menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Kerajaan. Tetapi saya lebih menekankan dia menentukan politik masa depannya.

Jadi, saya minta bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya dapat menjelaskan supaya janganlah Rukun Tetangga iai diteruskan penubuhannya sehingga boleh memecah-belahkan rakyat, bukan untuk menyatu-padukan rakyat, malahan untuk memecah-belahkan rakyat. Jadi, saya harap dapat pandangan dan tinjauan dari Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua saya rasa cukuplah perbahasan, saya di dalam menyokong dan meluluskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan, Timbalannya, Setiausaha Parlimennya termasuk semua pegawai-pegawai di bawah Kementerian Kewangan yang telah dapat menyediakan Rang Undang-undang ini dan apa yang harus saya beri tahniah sebelum rang undang-undang ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat, tidak langsung tercicir atau terkeluar yang boleh orang ramai tahu. Ini menunjukkan satu perkara begitu rahsia sehingga seorangpun tidak tahu, hanya kami dengar di Dewan Rakyat sahaja.

Tahniah sekali lagi dan saya harap semua Kementerian-kementerian yang akan menerima peruntukan yang berjumlah pada tahun 1992 kita membelanjakan dari segi pengurusan \$23,151,852,890. Ini merupakan peruntukan wang yang paling besar dan dengan harapan supaya semua pegawai dan kakitangan Kerajaan yang terlibat di dalam kementerian dan jabatan masing-masing agar dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baik dan dengan kerelaan hati semata-mata untuk menjayakan dan menjadikan negara kita ini sebagai negara yang dihormati oleh seluruh dunia di dalam menunggu cita-cita

impian kita Wawasan 2020. Maka dengan itu saya mengucapkan terima kasih sekali lagi dan saya menyokong Rang Undang-undang **ini**.

Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ya, Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

5.09 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak terima kasih kerana diberi peluang berucap menyokong Belanjawan 1992 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat ketara pada masa ini telah kejayaan ekonomi kita iaitu hasil dari dasar Kerajaan yang bijaksana dan pengurusan kewangan yang cekap. Seperti mana yang kita tahu, kejayaan ekonomi kita tidak akan tercapai tanpa kestabilan politik dari sokongan dari rakyat. Di atas kejayaan ini saya terlebih dahulu ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Jemaah Menterinya. Kemakmuran yang kita nikmati sekarang ini akan bertambah dengan, kegigihan, dan azam kita untuk memajukan negara. Saya merasa kasihan kepada pihak-pihak yang cuba menggugat kemakmuran yang kita nikmati ini sama ada melalui politik atau lain-lain punca yang bertujuan untuk memecah-belahkah perpaduan rakyat dan menggoncangkan kestabilan politik negara atau dengan menyebarkan maklumat-maklumat palsu mengenai negara yang kita cintai ini di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan ekonomi yang telah dicapai terbukti dengan defisit akaun semasa kita walaupun besar, tetapi terkawal dan lebih rendah daripada apa yang dialami dalam tahun 1982 dan 1983. Kadar pengangguran kita sudah menurun ke tahap 5.6% dan sudah sampai ke tahap di mana banyak kerja mencari pekerja dan bukan sebaliknya. Mengikut Bank Dunia, kadar pengangguran kita hari ini ialah lebih rendah dari **itu**, iaitu di sekitar 3.4%. Pertumbuhan ekonomi kita dianggarkan di sekitar 3.5% sementara negara-negara maju ada yang mengalami pertumbuhan 0%. Pengurusan ekonomi kita sudah diberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan ada di

antara dasar-dasar ekonomi kita yang digunakan oleh negara-negara lain. Apa kesannya semua ini kepada kita? Dari segi pandangan rakyat jelata, semua ini bermakna hidup kita tahun ini lebih baik lagi daripada tahun lepas dan kita yakin masa depan kita akan lebih makmur lagi. Sekiranya ada mana-mana pihak yang mengatakan Kerajaan kita ini rasuah, tidak jujur, tidak berperikeraanusiaan atau menekan hak asasi manusia atau sebagainya, pihak yang berkenaan itu perlu berfikir semula dan lihat semula apa yang nyata di sekelilingnya. Ia dikelilingi kemewahan yang dihasilkan oleh satu Kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada pertama kalinya Belanjawan kita dibentangkan dengan begitu rupa; pembentangan bukan hanya untuk satu tahun akan datang, tetapi pada kali ini mengambil kira dan merancang bagi 30 tahun akan datang iaitu sehingga 2020. Kerajaan kita memandang lebih jauh ke hadapan, lebih jauh daripada Rancangan Lima Tahun yang dibuat dari masa ke semasa. Ini juga memberi makna bahawa matlamat yang dituju sudah jelas di dalam pemikiran kita dan yang perlu dilakukan cuma cara-cara bagaimana kita boleh mencapai matlamat itu iaitu Wawasan 2020. Di atas pandangan jauh Kerajaan, terutama sekali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan di sini berhubung dengan Belanjawan yang dibuat. Pertama sekali, bersama-sama dengan Yang Berhormat Tuan Azman Atar, saya hendak menyebut tentang pentadbiran di Parlimen ini. Saya ingin mencadangkan alat kelengkapan di Parlimen ini dimodenkan selaras

dengan pembangunan negara. Apa yang kurang di Parlimen ini ialah Pusat Maklumat Berkomputer. Pusat ini pada hemat saya adalah sangat penting bagi kegunaan Ahli Parlimen untuk membuat rujukan tentang perjalanan Parlimen terutama sekali pada tahun-tahun yang lampau. Perpustakaan Parlimen sekarang ini masih menggunakan kaedah lama untuk rujukan. Jika sekiranya Parlimen mempunyai Pusat Maklumat yang saya maksudkan, semua urusan Perpustakaan boleh dikemaskini dan apa sahaja rujukan yang hendak dibuat tidak akan mengambil masa yang lama seperti mana sekarang.

Saya difahamkan bahawa Parlimen ini dilawati oleh semua lapisan masyarakat dan juga oleh orang-orang kenamaan dari luar negeri. Mereka dibawa melihat bangunan dan persekitaran Parlimen dan kadangkala diberi taklimat mengenai perjalanan Parlimen oleh Pegawai-pegawai Parlimen. Pada pendapat saya, cara memberi taklimat seperti ini adalah sudah ketinggalan zaman oleh kerana banyak tenaga dan masa manusia digunakan. Masanya sudah sampai bagi sistem menyebarkan atau menyampaikan maklumat diadakan dan sistem yang digunakan kini ialah multi-projection system, dengan izin. Maklumat yang terkandung dalam sistem ini boleh dikemaskini dari masa ke semasa. Di dalam bangunan Parlimen ini ada banyak ruang kosong yang boleh diubahsuai untuk satu panggung mini (theatric) di mana tayangan multi-visions slide show boleh dijalankan. Tayangan ini mestilah dibuat di dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris. Bahasa Malaysia untuk pelawat tempatan dan bahasa Inggeris untuk pelawat dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, juga diperhatikan ramai pelancong asing yang mahu melihat bangunan Parlimen tetapi tidak dibenarkan masuk oleh kerana mereka ini tidak tahu prosedur yang perlu mereka ikuti untuk masuk ke kawasan Parlimen. Saya fikir masanya sudah sampai bagi pelancong-pelancong masuk ke bangunan Parlimen pada masa-masa tertentu dan syarat-syarat boleh dikenakan kepada mereka sebelum mereka boleh dibenarkan masuk ke bangunan Parlimen. Sekiranya tayangan multi-visions slide show ini ada dan ditayangkan pula di dalam satu theatric yang nyaman, saya percaya lawatan mereka ke Parlimen akan memberi kesan yang baik terutama sekali terhadap imej negara sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

Saya percaya perkara ini senang dilakukan dengan adanya bantuan dari pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Penerangan dan juga Arkib Negara. Untuk melaksanakan semua ini kita memerlukan wang. Dengan itu ada eloknya perancangan dibuat oleh pihak Parlimen dari sekarang dan perbelanjaan untuknya dimasukkan ke dalam Belanjawan tahun yang menjelang dan kelulusan Perbendaharaan diperolehi.

Perlu saya tegaskan di sini sekali lagi, bahawa Parlimen ini adalah satu kemegahan rakyat dan hak rakyat. Saya tidak nampak bagaimana "showpiece" seperti ini boleh dinafikan kepada rakyat jelata yang mempunyai keyakinan penuh ke atas sistem berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih pula kepada perkara lain yang disebutkan dalam Belanjawan 1992. Sektor yang menjadi sumber kekuatan ekonomi kita adalah sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Ketiga-tiga sektor ini menyumbang lebih dari 75% kepada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar).

Perkara pertama yang hendak saya sebutkan mengenai sektor ini ialah tentang penggantungan kita terhadap teknologi yang dibawa dari timur dan barat. Saya ingin tahu di sini peratusan pekerja-pekerja

asing yang bekerja dalam industri kita di peringkat pengurusan dan di peringkat bawahan. Oleh kerana sekiranya peratusan itu tinggi kita akan terus bergantung kepada mereka. Sampai bilakah kita hendak terus bergantung kepada mereka? Pada awal-awal dulu sebelum mereka datang melabur di sini kita telah mensyaratkan bahawa palaburan luar negeri dalam negara kita ialah dengan tujuan memindahkan teknologi mereka ke negara ini. Saya perhatikan bahawa Kerajaan tidak berapa senang hati dengan perkara ini olah kerana pengenalan levi terhadap pekerja-pekerja asing dan dengan manghadkan jumlah pekerja asing diperingkat pengurusan, levi ini sepatutnya dikenakan pada awal-awal lagi supaya pelabur-pelabur yang datang ke negara kita benar-benar bertanggungjawab ke atas pemindahan teknologi yang disyaratkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat ketara lagi dalam saktor pengaluaran ini ialah jumlah import yang tinggi bagi input untuk industri berkenaan. Sudah sampai masanya bagi import ini dikurangkan melainkan bahan mentah yang tidak dapat dihasilkan di negara kita. Selama ini tidak banyak penekanan yang diberikan terhadap industri kecil dan sederhana (IKS) bagi menghasilkan alat-alat dan komponen-komponen yang diperlukan oleh industri-industri besar. Adalah amat senang bagi Kerajaan menyatakan bahawa IKS ini perlu lebih giat lagi menghasilkan barang-barang yang diperlukan. Tetapi apa yang lebih mustahak ialah bagaimana Kerajaan boleh mambantu IKS ini dari segi bantuan modal dan lain-lain galakan atau insentif. Kerajaan perlu mengambil daya

usaha bagi menggalakkan IKS ini oleh kerana tanpa usaha gigih Kerajaan., negara akan terus mengimport barangan asas pekilangan yang diperlukan **itu**. Pergantungan kita kepada negara-negara luar akan berterusan dan sekiranya mereka enggan mengeksport barangan mereka industri-industri besar kita akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan tenaga mahir dalam industri nampaknya bertambah meruncing sehingga ke tahap di mana Kerajaan sudah sanggup memudahkan lagi peraturan terhadap pengambilan pekerja-pekerja asing. Bila pula syarat-syarat ini akan diketatkan semula? Mungkin selepas negara kita dapat menghasilkan tenaga pekerja mahir yang mencukup dan ini mungkin dalam tempoh 5 ke 10 tahun lagi. Bila sampai ke tahap **itu**, ramai dari pekerja-pekerja yang diimport ini akan diberikan taraf pemastautin tetap di negara kita. Pada ketika itu pula sekiranya perkembangan industri kita tidak sepesat yang dianggapkan, maka ramai pula penganggur mahir dan separuh mahir di dalam pasaran buruh. Mereka tidak diambil bekerja olah kerana kerja-kerja yang ada sudah **diisi** dengan pekerja-pekerja asing. Negara kita akan menghadapi satu lagi masalah sosial iaitu kelebihan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa mengkritik perkara ini oleh kerana sistem pendidikan kita selama ini amat menekankan kelayakan akademik (academic qualification). Ini terbukti dengan pertumbuhan yang tidak ketara bagi sekolah-sekolah vokasional sama ada dalam Kementerian Pendidikan atau dalam Kementerian Buruh yang sekarang

dikenali sebagai Kementerian Sumber Manusia. Apa sudah jadi sekarang? Kita terperangkap di dalam satu aspek pembangunan yang tidak dirancang selari dengan pembangunan-pembangunan industri. Baru sekarang kita mahu memberi perhatian lebih dan memberi penekanan kepada keadaan ini dengan memperuntukkan wang sebanyak \$249 juta untuk latihan kemahiran. Peruntukan ini bermaksud bagi mendirikan sekolah-sekolah dan menyediakan tenaga pengajar dan untuk pembelian kelengkapan latihan yang lebih kemas-kini dan canggih. Ini bermakna program pendidikan ini hanya akan berjalan sepenuhnya dalam tempoh tiga atau empat tahun lagi.

Ini bermakna masalah tenaga pekerja mahir dan separuh mahir ini akan berlarutan untuk selama sekurang-kurangnya tiga atau empat tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat khuatir tentang kehadiran pendatang-pendatang asing di dalam industri kita, terutama sekali dalam industri pembinaan. Jika kita meninjau secara rambang, projek-projek pembinaan yang sedang berjalan di dalam negara kita sekarang, kita akan melihat lebih dari 50% tenaga separuh mahir dan tidak mahir dikuasai oleh pendatang-pendatang asing. Sekiranya syarat kehadiran mereka di sini ditetapkan, ada kemungkinan mereka akan balik ke negara asal mereka atau enggan bekerja dalam sektor ini dan akibatnya pembangunan sektor ini akan lambat ataupun lumpuh sama sekali. Kerajaan perlu memberi penelitian serius terhadap perkara ini dari segi menggalakkan anak-anak tempatan mengambil-alih kerja yang dijalankan oleh pendatang-pendatang ini.

Satu daripada perkara-perkara yang boleh dilakukan ialah dengan mengadakan peraturan-peraturan pekerjaan yang tidak membenarkan majikan mengeksploitasi pekerja-pekerja dari segi upah atau gaji. Pada masa ini pekerja-pekerja asing sanggup dibayar gaji yang lebih murah dari gaji pekerja-pekerja kilang. Itulah sebabnya anak-anak tempatan lebih suka bekerja di kilang-kilang dari bekerja di sektor pembinaan.

Sekiranya keadaan ini berlanjutan, industri akan terus bergantung kepada pendatang-pendatang asing. Keengganan anak-anak tempatan bekerja di sektor ini bermakna kemahiran dan kepakaran dalam sektor ini tidak akan diwarisi dan akhirnya kita akan menghadapi ketandusan. Pemaju-pemaju dalam sektor ini juga perlu memikirkan perkara ini dengan serius, oleh kerana masa depan sektor ini bergantung banyak kepada pasaran buruh yang mahir dan separuh mahir. Tenaga mahir dan separuh mahir yang memerlukan pekerja di dalam sektor ini perlu diberi galakan atau insentif tertentu seperti gaji yang memuaskan dan setimpal dengan kerja yang dijalankan. Kita perlu melihat apa yang berlaku sekarang mengenai upah atau gaji ini.

Pemaju sanggup menggaji lima orang Jurutera Pembangunan dengan gaji \$5,000 atau lebih sebulan dan memberi pula banyak kemudahan lain, tetapi pekerja-pekerja yang mengangkat batu-bata, membancuh simen, mengangkat dan mengikat besi, iaitu pekerja-pekerja yang bermandi peluh tiap-tiap hari, hanya dibayar gaji \$300 - \$350 sebulan. Ini bermakna pemaju sanggup berbelanja mewah di peringkat atasan tetapi mengikat perut di peringkat bawah. Kesimpulannya, pemaju mendapat keuntungan lebih di atas pengorbanan dan keringat pekerja-pekerja bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, menyebut tentang latihan kemahiran **ini**, adalah diperhatikan. bahawa usaha ini banyak dijalankan oleh Kerajaan kita tanpa penyertaan yang komited dari pihak swasta. Ramai di antara pekerja-pekerja kita dihantar menjalani latihan kemahiran

lanjutan ke negeri Jepun tetapi jumlahnya masih belum dapat dibanggakan. Bagi pelabur-pelabur dari negara lain seperti Amerika Syarikat, umpamanya, usaha mereka ke arah ini boleh dikatakan tidak ada langsung. Kalau adapun cuma untuk melepaskan batuk di tangga sahaja. Mereka perlu lebih komited, oleh kerana yang mengaut keuntungan dari peringkat pekerja-pekerja ini adalah syarikat itu sendiri. Maksud saya di sini ialah mereka perlu mengembangkan lagi pembiayaan latihan bagi pekerja-pekerja yang mereka gunakan.

Ada tercatat di dalam Belanjawan ini berhubung dengan Kerajaan meminta pihak swasta turut serta dalam memberi latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja kita. Saya fikir ini tidak memadai oleh kerana mereka boleh mengambil ringan. Sekiranya mereka ini diberikan galakan tertentu, seperti pelepasan cukai ke atas perbelanjaan latihan pekerja-pekerja kita, mungkin mereka akan lebih berminat lagi. Jika kita hendak mengambillah teknologi moden ini, kita perlu memberi latihan lanjutan kepada pekerja-pekerja kita yang berkebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak beralih kepada alat elektronik yang kian popular digunakan. Maksud saya ialah komputer. Di mana-mana sahaja alat komputer digunakan. Malangnya, Kementerian Pendidikan nampaknya tidak begitu hirau untuk memajukan alat ini ke sekolah. Pelajaran komputer sekarang ini hanya digalakkan melalui kelab-kelab komputer sahaja. Mengapa pelajaran komputer ini tidak dijadikan satu mata pelajaran, setidak-tidaknya

di peringkat asas supaya apabila murid-murid ini tamat pengajian mereka, mereka sudah mempunyai pengetahuan asas komputer. Sekiranya matapelajaran komputer tidak dapat diajar secara menyeluruh, setidak-tidaknya matapelajaran ini boleh dijadikan matapelajaran pilihan, atau elective subject, sehingga tingkatan lima. Apa yang penting di sini ialah mewujudkan matapelajaran komputer atau sains komputer di dalam kurikulum sekolah-sekolah. Kita tidak boleh lari dari kenyataan bahawa komputer ini pada suatu hari nanti akan menguasai hidup kita sepertimana yang berlaku di sesetengah negara Barat sekarang ini. Jika kita percaya kepada peribahasa Inggeris yang berbunyi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "strike when the iron is hot". In my opinion, the iron is now very hot.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita meneliti dengan mendalam alat komputer hari ini sudah menjadi keperluan bagi kemudahan kerja dan memendekkan masa gunatetiaga manusia. Kecanggihan alat ini meningkat dari sehari ke sehari. Saya fikir Kerajaan akan berbakti kepada rakyat di dalam usaha mereka memajukan negara ini jika alat komputer ini boleh dimampukan oleh rakyat biasa. Ini bermakna apa sahaja cukai yang dikenakan, ke atasnya ditarik balik dan alat komputer ini juga disenaraikan dalam senarai barangan terkawal. Ini untuk mengelakkan pembekal dan pengedar dari mengeksploitasi keadaan apabila permintaan meningkat. Jika alat komputer ini boleh dimampukan oleh rakyat biasa, Kerajaan juga dengan tidak secara langsung menggalakkan pertumbuhan industri komputer di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya orang Kuala Lumpur, maka sekarang saya hendak menyentuh sedikit tentang keadaan Bandaraya dan Ibukota negara yang tercinta **ini**. Tajuk yang hangat diperbincangkan sekarang ini ialah berhubung dengan kesesakan lalulintas di Ibukota. Negara kita ini sungguh makmur, sejumlah besar rakyatnya sudah mampu berkenderaan sendiri. Kalau ada yang kurang mampu sekalipun, mereka akan cuba sedaya upaya untuk membeli kenderaan kerana didesak oleh keperluan dan bukan kerana hendak berseronok. Kita faham bahawa pihak Bandaraya telah banyak dan membesarkan jalan-jalan, jejambat-jejambat atau flyovers dan lain-lain lagi kemudahan lalulintas, tetapi sebaliknya kesesakan bukan berkurangan, malahan semakin bertambah buruk. Keadaan ini adalah didesak oleh kemunduran pengangkutan awam. Pengangkutan awam di Ibukota ini tidak mencukupi dan pengendaliannya tidak pula cekap. Jika diperhatikan dengan **teliti**, kebanyakan syarikat-syarikat pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini bukan berorientasikan untuk memberi kemudahan kepada orang awam, tetapi cuma untuk mendapat keuntungan besar.

Satu contoh yang boleh saya beri ialah syarikat-syarikat ini lebih sanggup bas-bas mereka menanggung risiko muatan lebih dari masa-masa sibuk daripada mengadakan kenderaan yang lebih banyak tanpa perjalanan yang lebih kerap. Di dalam hal seperti ini, Kerajaan

juga secara tidak langsung menyumbang terhadap menggalakkan syarikat-syarikat bas supaya tidak menambah kenderaan mereka. Saya berkata demikian, oleh kerana jarang sekali bas-bas yang membawa muatan lebih ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan. Sekiranya penguatkuasaan dijalankan dengan sewajarnya, saya yakin perkara muatan berlebihan ini dapat diatasi,

Tuan Yang di-Pertua, selama ini syarikat-syarikat bas tidak menghadapi persaingan oleh kerana tidak ada pengangkutan alternatif yang lain. Kita dengan itu seolah-olah dipaksa menerima apa sahaja perkhidmatan yang diberikan oleh mereka sama ada perkhidmatan itu baik atau tidak, cekap ataupun tidak bukan soalnya. Oleh kerana itu sahaja perkhidmatan yang ada dan kita tidak ada pilihan yang lain dan dengan itu terpaksa menerima apa sahaja yang ada. Dengan itu, apa yang sangat penting pada masa ini ialah pengangkutan alternatif. Kita telah banyak mendengar mengenai lightrail transit system, monorail dan overhead railway dan sebagainya. Tetapi hingga ke hari ini semua yang disebutkan itu masih belum menjadi kenyataan. Semuanya masih di peringkat ura-ura.

Pada pendapat saya, Kerajaan perlu bertindak tegas dalam mempercepatkan perkara ini untuk mengelakkan keadaan dari menjadi lebih buruk sehingga ke tahap kritikal. Sementara itu, Kerajaan perlu menggesa syarikat-syarikat bas yang beroperasi di Kuala Lumpur ini meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dan beroperasi dengan

lebih cekap lagi. Cuma saya harap Kerajaan tidak akan bertindak dengan menaikkan lagi cukai kereta dan cukai jalan bagi tujuan mengurangkan pembelian dan penggunaan kereta persendirian. Kedudukan ekonomi kita begitu baik sekarang dan rakyat kita bertambah makmur. Benarkanlah rakyat menikmati kemakmuran sekiranya kemakmuran itu bermakna rakyat mampu mempunyai kereta sendiri. Janganlah korbankan kemakmuran yang mereka nikmati ini dengan menarik balik kemampuan mereka iaitu dengan menaikkan cukai jalan, harga kereta dan cukai ke atas kereta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, terutama sekali kepada Kementerian Pendidikan yang akhirnya menerima betapa pentingnya pendidikan prasekolah kepada anak-anak kita. Selama ini pendidikan prasekolah dikendalikan oleh badan-badan swasta. Pendidikan prasekolah ini hanya dimampui oleh segolongan rakyat sahaja. Rancangan Kerajaan hendak membuka kelas-kelas pendidikan prasekolah di kawasan luar bandar sangat dialu-alukan. Dengan penyertaan Kerajaan sepenuhnya dalam bidang pendidikan ini, saya harap latihan perguruan untuk guru-guru tadika akan dapat diadakan. Kaedah pengajaran, kurikulum pengajian dan sukatan pelajaran akan dapat diselaraskan untuk semua tadika dan kelas-kelas prasekolah di negara ini, sama ada ia di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan atau dijalankan oleh pihak swasta.

Tuan, Yang di-Pertua, penyelarasan ini adalah sangat perlu dan penting oleh kerana sekiranya kita mahu menyemaikan semangat kewarganegaraan, rasa kasih sayang dan taat setia kepada negara dan semangat kesetiakawanan, tadika atau kelas-kelas prasekolah ini adalah tempat yang amat wajar sekali. Kanak-kanak di peringkat ini adalah ibarat rebung yang baru bercambah atau tumbuh dan amat senang dilentur. Perbuatan rakyat yang kita idam-idamkan itu boleh dicapai dengan sepenuhnya jika kita mula menanamkan semangat ini di peringkat prasekolah lagi.

Sekiranya kita dapat menanamkan semangat murni ini dengan teguh ke dalam sanubari anak-anak kita di peringkat ini, saya yakin tugas kita untuk menyatupadukan rakyat di peringkat lain tidak lagi menjadi kerumitan atau masalah.

Sepertimana yang kita tahu, kemakmuran negara kita yang **ter-**cinta ini bergantung kepada perpaduan rakyatnya dan apabila perpaduan ini mencapai satu tahap yang benar-benar teguh, saya percaya kita akan dapat mencapai kemajuan yang lebih tinggi lagi dari apa yang telah kita capai selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya kali **ini**, saya ingin menyatakan rasa kagum saya terhadap tenaga yang ada pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Beliau ini nampaknya tidak kenal penat atau letih. Saya berkata demikian oleh kerana beliau tidak letih-letih menjelajah ke luar negeri, tiap-tiap kali beliau pergi ke satu negara, kehadiran beliau di sana dirasakan oleh banyak negara, terutama sekali negara-negara kuasa besar yang cemburu dengan pencapaian ekonomi dan politik kita.

Kita dituduh sebagai tidak demokratik berhubung dengan dasar-dasar kita, seperti hak asasi manusia, kebebasan suratkhobar dan lain-lain lagi. Kita juga dituduh sebagai penceroboh alam sekitar seperti penebangan hutan belantara secara sewenang-wenang dan lain-lain tuduhan lagi untuk mencemarkan nama baik negara **ini**. Semua tuduhan yang dibuat ini telah disangkal oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan apa yang diperkatakan oleh beliau telah menarik perhatian dunia bukan sahaja terhadap diri beliau tetapi juga terhadap negara kita.

Beliau telah memastikan kepada masyarakat antarabangsa tentang kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, bertamadun dan berwibawa. Kewujudan Malaysia di dalam peta dunia tidak perlu diragukan lagi. Di dalam arena antarabangsa, saya tidak dapat memperkatakan apa-apa mengenai Perdana Menteri kita, melainkan pujian sahaja yang dapat saya berikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan itu menyokong sepenuhnya Belanjawan 1992 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah.

5.44 ptg.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Usul ini telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Sert Anwar Ibrahim di Dewan ini pada hari ini 23hb Disember, 1991 dan saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas ucapan Belanjawannya yang begitu memberansangkan bagi setiap lapisan masyarakat di negara kita ini dengan strategi jangka panjang dan

perbandingan-perbandingan dengan negara-negara lain dan nasihat-nasihat supaya tabungan dibuat dan tidak boros berbelanja. Rakan-rakan saya sebentar tadi telah banyak menyentuh tentang ekonomi negara, jadi saya akan suarakan dalam hal-hal lain sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai Kementerian-kementerian ataupun jabatan-jabatan seperti berikut, walaupun persoalan kecil tetapi perlukan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.1 - Parlimen. Ramai rakyat negara kita ingin melawat Parlimen sama ada dari jauh dan dekat dan pelawat-pelawat dari luar negeri juga ingin membuat lawatan ke Parlimen iaitu kunjungan lawatan balas oleh negara-negara seperti Amerika, China, Vietnam dan lain-lain negara kerana ramai Ahli-ahli Parlimen kita telah melawat ke negara-negara mereka. Dalam keadaan yang ada sekarang, saya berpendapat harus dikemaskini dengan alatan-alatan yang canggih dan sempurna memandangkan negara kita sekarang menggunakan teknologi moden seperti komputer dan pentingnya data-data Ahli Parlimen yang kemaskini pada hari ini. Ruang-ruang yang ada bolehlah dikemaskini supaya sesuai dengan keadaan. Saya harap juga risalah-risalah berwarna-warni mengenai Kerajaan kita patut diadakan supaya boleh kita beri kepada pelawat-pelawat kita untuk pengetahuan mereka dan boleh dibawa pulang ke negara mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.47 - Kementerian Pengangkutan. Terlebih dahulu saya mengambil peluang ini mengucapkan ribuan terima

kasih kepada Keretapi Tanah Melayu kerana telah memberi perkhidmatan tambahan pada waktu malam iaitu pada pertengahan tahun **ini**, bertolak jam 8.00 malam dari Arau dan sampai di Kuala Lumpur pada pagi esok. Dengan adanya perkhidmatan tambahan orang-orang dari Perlis yang hendak datang ke Kuala Lumpur pada waktu malam, bolehlah terus bertolak ke Kuala Lumpur tanpa singgah di Butterworth seperti dahulu. Perkhidmatan ini adalah sangat baik dan memberi kemudahan kepada penumpang di negeri-negeri di utara Malaysia juga kepada pelancong yang baru sampai balik dari Pulau Langkawi supaya boleh terus balik ke Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan teksi adalah perkhidmatan yang mustahak kepada semua penumpang tetapi drebar teksi akan memilih penumpangnya mengikut suka hatinya ke destinasi yang dipilih. Adakah pihak Kementerian sedar akan perkara ini dan adakah kursus-kursus atau penerangan-penerangan diberi kepada mereka supaya mereka suka berkhidmat kepada semua penumpang tidak kira jauh atau dekat kerana penumpang akan membayar berapa sahaja tambang mengikut meter yang ditetapkan? Bagaimanakah Kementerian akan dapat memberi kesedaran sivik supaya drebar-drebar tidak bunyi honnya jika sekiranya kereta di hadapan mereka lambat sedikit bergerak bila lampu hijau menyala?

Tuan Adam bin Kadir: Bukan hon sahaja, marah maki lagi?

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Ya, Tuan Yang di-Pertua, Jadi, diharap keadaan ini dapat diperbaiki seperti di-negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Kita dapati di merata-rata tempat telah ada gerai-gerai makanan dengan harganya yang berpatutan dan rasa makanan-makanan tersebut sangat sedap tetapi satu perkara yang mencemarkan keadaan di tempat makanan itu ialah bau yang tidak menyenangkan. Bau busuk itu datangnya dari sisa-sisa makanan dan juga longkang yang tersumbat dan air limpahan yang tidak dapat mengalir. Jadi, saya harap supaya pihak Kementerian Kesihatan dengan kerjasama jabatan-jabatan yang berkaitan dapat memeriksa keadaan-keadaan yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga di tempat-tempat atau di gerai-gerai makanan itu tiada tandas awam. Keadaan ini akan menjadi rumit kepada sesiapa sahaja yang perlukan perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, banyak tindakan telah diambil mengenai penyakit AIDS. Surat rawaran akan diberi kepada pesakit supaya ia boleh pergi berubat kepada doktor-doktor di mana sahaja. Saya ingin bertanya Kementerian Kesihatan, ada atau tidak surat diberi kepada waris pesakit? Saya rasa perkara ini adalah mustahak supaya waris pesakit tahu keadaannya supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil bila pesakit itu meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.25 Kementerian Pertahanan. Semua rakyat Malaysia patut berterima kasih di atas khidmat oleh Pasukan Polis dan Angkatan Tentera kita yang menjaga keselamatan negara dari darat, laut dan udara. Tentera masuk ke desa khususnya telah menolong dalam pembinaan rumah dalam projek PPRT, dengan sekaligus mengurangkan kos perbelanjaan untuk pembinaan rumah tersebut. Baru-baru ini telah dimaklumkan bahawa Kerajaan sedang menimbang akan memberi elaun kepada perajurit-perajurit yang mendapat pingat keberanian semasa bertugas. Perkara ini adalah satu cadangan yang baik supaya elaun ini akan menjadi satu pendorong dan inspirasi kepada perajurit atas kegigihan mereka dalam menjalankan tugas untuk kepentingan negara. Dengan ini juga mereka mesti kemaskinkan

perkhidmatan atau pelajaran diri serta pendidikan ketenteraan. Saya ingin penjelasan daripada Kementerian yang berkenaan, berapa peratuskah ahli-ahli dari Pasukan Keselamatan berusaha untuk belajar dalam bidang akademi selepas mereka berada dalam bidang-bidang tertentu selama 5 tahun atau lebih,

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.44 Kementerian Penerangan. Adalah menjadi kenyataan bahawa Kementerian Penerangan adalah satu Kementerian yang memberi banyak maklumat pelajaran dan pendidikan kepada masyarakat di seluruh negara. Peristiwa-peristiwa dunia juga dapat ditonton dan ehwal semasa pula sentiasa kemaskini. Baru-baru ini telah diadakan Kuiz Kenegaraan di negeri-negeri. Kuiz ini adalah satu majlis ilmu yang saya fikir amat berguna, terutama sekali kepada golongan muda kerana ianya merangkumi soalan-soalan sejarah, pendidikan dan berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang patut diketahui oleh rakyat. Kuiz Kenegaraan ini patut diadakan di peringkat kebangsaan supaya Kementerian Penerangan dapat memberi liputan ke seluruh negara dan ditonton oleh semua golongan masyarakat. Tahniah saya ucapkan di atas daya usaha mengadakan kuiz ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah dapat tahu iaitu satu jawatankuasa khas telah dibentuk untuk menyiasat dakwaan pegawai dan kakitangan Jabatan serta agensi di bawah Kementerian Penerangan menyalahgunakan kuasa dan kemudahan-kemudahan milik Kementerian itu. Apakah hasil siasatan tersebut dan apakah tindakan-tindakan yang diambil? Adakah alat-alat itu digunakan

untuk menjalankan perniagaan, misalnya kamera digunakan untuk membuat filem atau drama? Berapa orangkah pegawai dan kakitangan terlibat?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan pegawai-pegawainya kerana akhir-akhir ini banyak perubahan-perubahan yang ketara dapat kita lihat dan berbagai aspek belia dan sukan dapat dijalankan. Baru-baru ini amat ramai peserta telah turut serta dalam Sukan SEA di Manila dan rasa saya Malaysialah yang menghantar peserta yang paling ramai. Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian berpuas hati atas pencapaian pasukan kita itu, bilangan pingat emas, perak dan gangsa yang diterima. Adakah pencapaian peserta-peserta kita ke tahap yang dijangkakan. Kalau tidak, kenapa? Apakah yang menjadi penghalang, adakah kurang latihan atau tidak ada tempat latihan yang sesuai atau teknik latihan yang perlu dibaiki?

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Satu faktor penting saya rasa perlu diberi perhatian ialah tempat, kerana tanpa tempat, satu-satu latihan itu tidak dapat dijalankan. Di luar-luar bandar amat kurang tempat untuk berlatih, contohnya sepak takraw atau bola sepak oleh ahli-ahli belia kita. Jadi saya suka hendak cadangkan supaya pihak Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, minta padang-padang sekolah di seluruh negara supaya dapat dijadikan tempat latihan semasa pihak sekolah tidak menggunakan padang permainan tersebut kerana ada jenis-jenis sukan yang diperlukan padang permainan kerana

ini dapat meninggikan tahap sukan di seluruh negara. Setakat ini berapa buah stadiumkah diberi peruntukan kepada negeri-negeri dan berapa buah jimnasium telah sedia ada yang dapat menampung keperluan-keperluan belia di negeri-negeri, generasi yang akan mewarisi Wawasan 2020?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.19 Kementerian Pertanian. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang kreatif dalam usaha-usaha dan kempen-kempen seperti makan ulam, minum air kelapa muda, makan daging arnab dan menanam orkid. Baru-baru ini melalui Majlis Taklimat yang telah diberikan oleh FAMA, kami difahamkan bahawa FAMA telah memperolehi kejayaan. untuk memasarkan bahan pertanian ke negara-negara lain. Teknik dan kecekapan yang diusahakan oleh FAMA amat membanggakan. Hasil barangan yang diusahakan dengan kerjasama MARDI adalah juga amat baik. Saya ingin tahu adakah hasil-hasil tanaman, hasil-hasil ternakan dan hasil-hasil kraftangan mencukupi untuk dieksport di luar negeri. Kalau tidak, apakah yang diusahakan. oleh Kementerian supaya hasil-hasil ini bertambah banyak lagi dengan mutu yang tinggi? Adakah usaha-usaha dijalankan dalam PPRT supaya bergiat dalam usaha-usaha ternakan arnab, binatang-binatang peliharaan, sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga orkid diusahakan di seluruh negara? Saya yakin kalau kempen-kempen dan usaha-usaha ini dapat dijalankan tentu ramai dari rakyat kita yang akan menambahkan pendapatan dan tidak mahu anggap diri mereka miskin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.35 Kementerian Dalam Negeri. Baru-baru ini Al-Arqam telah diharamkan kerana kegiatan-kegiatan mereka menyeleweng dari ajaran Islam, tetapi kita dapat tahu bahawa mereka masih menjalankan kegiatan-kegiatan mereka, kononnya mereka tidak dapat surat rasmi dari pihak Kerajaan, sebab itulah kegiatan-kegiatan mereka diteruskan, contohnya kelas Tadika masih berjalan seperti biasa. Saya ingin tahu dari Kementerian yang berkenaan adakah benar pihak Kerajaan tidak mengeluarkan surat rasmi kepada Al-Arqam supaya memberhentikan kegiatan-kegiatan mereka dengan sebab-sebab tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang suka saya sentuhkan ialah mengenai Pusat Serenti. Pada masa hari raya yang lalu, satu keluarga dari Selangor datang ke pusat serenti di Perlis dengan membawa berbagai-bagai buah tangan untuk anaknya. Tetapi amat malang, bila sahaja sampai di pusat serenti tersebut anak mereka sudah tiada di situ lagi, anak mereka itu telah dipindahkan ke tempat lain. Jadi, ibubapa budak yang berkenaan amat dukacita. Datang dari jauh hendak tengok anak, tetapi anak sudah tiada di situ lagi. Adalah diharapkan supaya jika seseorang itu dipindahkan dari satu pusat serenti ke pusat serenti yang lain supaya memaklumkan perkara itu kepada waris supaya perkara yang berlaku tak berulang lagi. Kenapakah perpindahan ini berlaku? Adakah penagih-penagih ini telah menjadi baik atau telah pulih? Saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.51 Kementerian Luar Negeri. Pada masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berada di Bangsa-bangsa Bersatu dalam bulan Oktober yang lalu, kami dari Exco Wanita UMNO Malaysia juga telah berpeluang hadir bersama di Dewan Bangsa-bangsa Bersatu mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mendapat sambutan yang amat tinggi dari seluruh dunia.

Semasa kami berada di New York, kami telah disambut dan diberi layanan yang istimewa oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan isteri serta pegawai-pegawai dari Kedutaan kita di Amerika. Walaupun kami berada di luar negeri, layanan dan perhatian yang diberi oleh rakyat Malaysia menjadikan kami rasa berada di negara sendiri. Terima kasih kami ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri.

Pada 14hb November hingga 23hb November 1991 yang lalu, kami atas nama Kelab Senator yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Chan Choong Tak, Yang di-Pertua Dewan Negara telah dapat melawat Vietnam. Di Hanoi dan di Ho Chin Minh City juga kami diberi sambutan yang amat istimewa oleh pegawai-pegawai dari Vietnam dan dari Tuan Yang Terutama Duta kita ke Vietnam, Tuan Parameswaran serta pegawai-pegawainya di Konsul di Ho Chin Minh City, Encik Abdul Latif bin Awang dan pegawai-pegawainya. Orang-orang Vietnam amat bersopan santun dan melayan kami dengan penuh penghormatan. Semasa kami di sana kami telah dapat berjumpa dengan ketua-ketua dan pegawai-pegawai tinggi Vietnam. Dalam acara-acara kebudayaan, kami sungguh kagum kerana artis-artis Vietnam dapat memberi persembahan yang unik dan mereka menghiburkan kami dengan Lagu-lagu Melayu. Di sini bila kami bertanya dari mana mereka belajar Bahasa Malaysia, mereka memberitahu bahawa mereka belajar dari Kedutaan Malaysia di Vietnam.

perkara ini adalah satu amalan yang baik, yang mana semangat seperti itulah akan menjadikan hubungan kita kedua negara akan bertambah baik. Kita telah dimaklumkan bahawa PETRONAS dan Sapura Holding telah melabur di sana dan rasanya banyak lagi peluang-peluang melabur boleh didapati di Vietnam. Di sini saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tuan Parameswaran dan pegawai-pegawainya serta Kousul Tuan Abdul Latif bin Awang dan pegawai-pegawainya atas khidmat dan layanan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, pada 14hb November 1991 di Paris, Duta Besar kita di sana, Tuan Yang Terutama Hasni Adam telah melancarkan buku yang bernama "Malaysia, The Heart Of South East Asia", sebuah buku yang mengandungi 350 gambar di Malaysia dengan berbagai-bagai aspek kebudayaan. Walaupun rakyat Malaysia hanya ada 200 orang di sana, tetapi dapat menjual Malaysia di Paris. Tahniah saya ucapkan kepada penulis buku ini dan berharap ianya menjadi satu contoh kepada kedutaan yang lain-lainnya walaupun publisiti-publisiti mengenai Malaysia ada di tiap-tiap kedutaan. Saya harap penuntut-penuntut kita di luar negara akan dapat mendekati diri di Kedutaan-kedutaan kita sama ada merayakan Hati Malaysia atau menjalankan berbagai aktiviti bersama. Kita harap juga supaya melalui duta-duta kita di luar negara akan dapat menjalinkan ekonomi yang kukuh di antara Malaysia dan negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lalu, telah menjadi satu peristiwa iaitu barang-barang jualan dari Padang Besar telah

dirampas oleh pegawai-pegawai dari Thailand. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil di atas peristiwa tersebut kerana banyak kerugian dialami oleh peniaga-peniaga dari Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.46, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Terdapat beberapa rekacipta oleh rakyat kita sama ada individu, berkumpulan atau dari kalangan pelajar. Baru-baru ini seramai lima orang pelajar dari sekolah menengah telah mencipta penggilap kasut automatik menggunakan bahan buangan dan modal yang amat sedikit sesuai untuk menggilap kasut jenis sukan dan kasut baldi. Saya ingin tahu adalah pihak Kementerian yang berkenaan dimaklumkan mengenai rekacipta tersebut dan adakah pihak Kementerian menyimpan rekod mengenai banyak lagi rekacipta yang dibuat pada masa-masa yang lalu? Apakah tindakan susulan oleh Kementerian jika sekiranya rekacipta itu baik dan berguna?

Tuan Yang di-Pertua, 1,000 kilang dikenalpasti mengeluarkan sisa toksid di seluruh negara yang berjumlah 400,000 meter padu setahun. Saya ingin tahu apakah tindakan undang-undang yang diambil ke atas kilang-kilang yang tersebut yang melepaskan buangan terjadual ke dalam sungai?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.26, Kementerian pendidikan. Kementerian Pendidikan adalah boleh dianggap satu kilang yang mengeluarkan hasil yang akan menentukan kedudukan negara pada masa akan datang. Pendidikan begitu penting mengatasi segala-galanya

kerana dengan adanya pendidikan yang sempurna seseorang itu akan dapat pula menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan guru-guru seramai lebih 17,000 orang ini, saya rasa akan terjejas pengajaran dan pembelajaran murid-murid walaupun ada usaha Kementerian Pendidikan untuk mengambil guru-guru ke maktab-maktab perguruan. Buat menarpung keadaan yang ada, saya fikir guru-guru sandaran patutlah dilatih di hujung-hujung minggu sebagai guru-guru kita dahulu iaitu normal trained teachers dan akan jadi guru terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Menteri-menteri, Ketua-ketua Pengarah, Ketua Jabatan, Setiausaha Parlimen dan pegawai-pegawai Kerajaan yang dengan usaha yang gigih telah dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan baik untuk kepentingan rakyat dan negara.

Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1992. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuan Saidin bin Mohamad.

6.17 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1992, maka saya ingin menyatakan bahawa peruntukan sebanyak \$23,153,852,890, iaitu daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1992 adalah sesuatu yang menunjukkan betapa hebatnya Kerajaan dalam kesungguhan bagi pembangunan bangsa dan negara. Daripada peruntukan **itu**, wang sebanyak \$17 juta lebih yang diperuntukkan kepada

Parlimen bagi urusan-urusan pentadbiran am dan hal-hal yang berkaitan dengan persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah suatu peruntukan yang tidak begitu banyak. Sepatutnya lebih banyak lagi peruntukan yang diberikan kerana urusan-urusan perhubungan dengan Parlimen patut ditingkatkan sama ada lawatan Ahli-ahli Parlimen, terutama Ahli-ahli Dewan Negara ke Parlimen negara-negara asing. Demi untuk memberi lebih banyak faedah kepada negara daripada hasil lawatan **itu**. Begitu juga pembiayaan kakitangan ataupun aluan dan sebagainya. Pembiayaan urusan-urusan yang banyak dan bertambah dari masa ke masa juga perlu dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai B.7, Jabatan Perdana Meeteri, khusus bersangkutan dengan Biro Tatanegara yang memperuntukkan lebih daripada \$3 juta. Biro Tatanegara yang bertanggungjawab dalam pembentukan generasi ke arah kecemerlangan dalam memberikan kesedaran-kesedaran bagi pencapaian Wawasan negara perlu memberi perhatian kepimpinan badan-badan ataupun pertubuhan-pertubuhan bawahan sama ada pertubuhan-pertubuhan peladang, koperaai-koperasi ataupun pertubuhan-pertubuhan belia, JKKK dan seumpamanya. Badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan itu adalah semuanya menuju ke arah mempertingkatkan ekonomi dan sosial masyarakat dan berhadapan dengan masyarakat bawahan yang serba kekurangan baik dari segi pendidikan, kewangan dan sebagainya.

Andainya daripada peserta-peserta yang dianggarkan seramai 336,00 orang itu diuntukkan sebahagiannya kepada yang saya maksudkan itu, akan dapat memberi manfaat besar di segi pembangunan bangsa dan kestabilan serta keharmonian negara. Kenapakah saya mengajukan permasalahan ini kepada Biro Tata Negara? Kerana dalam soal pembangunan bangsa Biro Tata Negara lebih arif. Ini bukanlah bermakna institusi ataupun agensi lain tidak penting. Institusi lain boleh memainkan peranan mengenai soal-soal yang bersangkutan dengan teknikal atau perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Sebagai sebuah Kementerian yang sangat penting dalam mewujudkan satu angkatan masyarakat belia yang kuat dalam semua aspek kehidupan, sangat padanlah satu peruntukan berjumlah \$43 juta lebih diberikan. Angkatan belia yang lebih daripada setengah bilangan rakyat negara ini perlu diberi tumpuan bukan alang kepalang.

Seringkali terdengar belia setengah-setengah negara, bahkan di negara kita pada suatu masa lalu mengadakan pelbagai bentuk tunjuk perasaan. Belia-belie negara kita juga biasa mengadakan tunjuk perasaan di negara-negara lain seperti di Australia, England dan lain-lain lagi. Daripada strategi program dan aktiviti Kementerian Belia adalah memberi keyakinan segala permasalahan

belia akan dapat dimanfaatkan. Sungguhpun demikian, amatlah baik sekiranya Kementerian Belia dan Sukan memberi perhatian yang lebih mendalam tentang penyusunan semula persatuan-persatuan ataupun pertubuhan-pertubuhan belia. Banyak persatuan-persatuan itu sudah tidak berfungsi lagi, kegiatan-kegiatan pertubuhan itu di kampung-kampung, di daerah-daerah, bahkan di peringkat negeri dan di peringkat kebangsaan juga perlu ada berangkaian, maksud saya kegiatan-kegiatan itu diadakan berperingkat-peringkat dalam aspek kegiatan belia. Dengan berfungsinya pertubuhan-pertubuhan itu akan memberi peluang kepada belia-belia yang baru keluar daripada persekolahan untuk mengambil peluang berkecimpung dalam pertubuhan itu dan mendapat peluang-peluang yang banyak daripada Kerajaan, baik melalui Kementerian Belia dan Sukan sendiri, bahkan daripada agensi-agensinya yang lain. Dengan panglibatan aktif belia-belia itu tidaklah timbul lagi di kalangan mereka yang masuk temuduga perjawatan tidak kenal siapa Menteri Besar, siapa Menteri Pendidikan, siapa Wakil Rakyat, siapa Pengarah Pendidikan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B.19 - Kementerian Pertanian yang menguntukkan sabanyak \$890 juta. Dewasa ini Kementerian Pertanian dengan agensi di bawahnya telah memainkan peranan begitu menggalakkan, idea-idea baru yang canggih diutarakan oleh Menteri Pertanian yang dipeloporkan oleh pegawai-pegawai

agensinya telah dapat menonjolkan kedudukan Kementerian itu di tahap yang membanggakan. Harapan kita semoga kecemerlangan ke arah memupuk semangat berdikari petani, penternak dan nelayan adalah di puncak yang diharap-harapkan olah meraka. Namun demikian, harapan kita pengembalian semua agensi di bawah Kementerian Pertanian perlu ditingkatkan, penyelarasan dalam projek-projek ditingkatkan, hendaknya projek-projek yang mendapat tempat di hati rakyat diberi tumpuan yang bertubi di dalam semua aspek keperluan. Contohnya, di negeri Perlis mulanya dirancang hendak diwujudkan 5,000 hektar tanaman mempelam Harumanis, daripada tanah seluas itu kira-kira 1,500 hektar telah dapat dimajukan. Tanah seluas 1,500 hektar itu sebahagian besarnya adalah tanah milik tradisional. Di sini bermakna rakyat marhaen ataupun yang tinggal di kampung-kampung yang berusaha bercucuk tanam, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman pada tanah itu, tetapi apabila projek mempelam dijalankan tanah tersebut ditanam dengan mempelam semata-mata, tanaman lain tidak dibenarkan sama sekali. Di sini membuatkan pemilik-pemilik tanah tersebut tersekat daripada mata pencarian harian mereka, terpaksa mereka tunggu 3 ataupun 4 tahun sehingga mempelam dapat mengeluarkan hasil.

Pada masa projek itu mula di laksanakan ada juga setengah kalangan mencadangkan supaya projek mempelam itu ditanam dan di selang-selikan dengan tanaman asam jawa yang juga boleh mengeluarkan hasil dalam tempoh yang sama, di samping tanaman mempelam tadi.

Di samping itu dapat ditanam dengan pelbagai tanaman, sayur-sayuran atau tanaman kontan.

Menjelang empat tahun tanaman mepelam itu dilaksanakan, pada masa kini baru dibenarkan tanaman kontan diadakan. Penyelarasan agensi yang saya maksudkan tadi ialah di segi pelaksanaan projek, baik di segi aspek pengkajian tanah, tanaman yang hendak ditanam dan aspek-aspek berhubungan dengan kemasyarakatan.

Dalam memperkatakan soal projek yang hendak dilaksanakan sebenarnya petani-petani, penternak dan nelayan sanggup mengubah sikap membuat pembaharuan hanya sanya projek yang hendak dilaksanakan itu bagaimana jaminan pasarannya, jika pasaran terjamin seperti tanaman tembakau di Perlis, Kelantan dan lain-lain negeri, tidak cukup kuota yang diberikan, petani-petani sedia sahaja menerimanya.

Dalam memperkatakan sambutan masyarakat petani termasuk penternak dan nelayan dalam mencapai tahap berdikari setengah orang berkata mengajar memancing lebih baik daripada membeli seekor ikan yang besar. Tetapi di samping memberi pembelajaran modal masih diperlukan. Peruntukan melebihi \$2 juta daripada tahun yang lalu kepada LPP bagi mempertingkatkan tahap kemajuan agensi itu adalah sesuatu yang ditunggukan oleh rakyat. Semoga dalam peruntukan itu kakitangan ataupun pegawai LPP dapat ditambah untuk menyempurnakan lebih baik lagi pentadbiran badan-badan yang di bawah LPP terutama NAPAS, PPN dan PPK. Kini ada PPK yang hanya dibantu oleh seramai 3 orang sahaja kakitangan LPP.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit Maksud B.40 - Jabatan Penjara, yang memperuntukkan sebanyak hampir \$127 juta, adalah memberi suatu gambaran bahawa Jabatan Penjara memerlukan suatu tindakan berkesan bagi memberi keselamatan dalaman dan luaran kepada penghuni dan kakitangan penjara. Di samping dapat memberi pemulihan penghuni-penghuni yang bersistematik dengan peruntukan itu juga Jabatan Penjara akan dapat memberi keyakinan kepada rakyat tentang kemampuan pihak Penjara dalam menerokai keilmuan dan kaedah-kaedah pemulihan kepenjaraan.

Dalam soal penghuni penjara; penghuni yang terlepas dari penjara yang hanya terdengar perkara ini beberapa tahun kebelakangan ini sahaja, adalah suatu yang amat perlu tindakan yang berkesan hendaklah diambil. Hendaknya tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Pangubahsuaian Penjara jika perlu dengan peruntukan yang sebanyak itu patut dibuat, sama ada tembok penjara ditinggikan lagi dan diadakan tembok berlapis serta diadakan pengawal penjara berperingkat-peringkat. Maksud saya sebelum sampai pengawal di penjara perlu ada pengawal di peringkat luar....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila sambungkan ucapan esok.

Tuan Saidin bin Mohamad: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menangguhkan mesyuarat ini sehingga hari esok; mulai pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.